

**ANALISIS PEMIKIRAN MB HOOKER TERHADAP ADAT
DI TANAH MELAYU DALAM KARYANYA
ISLAMIC LAW IN SOUTH-EAST ASIA**

4.1 PENDAHULUAN

Setiap masyarakat di dunia ini pasti mempunyai sistem yang tersendiri. Begitu juga dengan masyarakat Adat Perpatih, secara amnya mereka turut berpandukan kepada sistem perundangan sivil, sistem perundangan Islam serta sistem perundangan adat. Masyarakat Adat Perpatih, selain sebagai pengamal budaya adatnya yang tersendiri, mereka juga tidak terlepas dari melaksanakan kewajipan dan tuntutan yang disyariatkan oleh agama Islam. Oleh itu, hubungan adat dan Islam adalah saling lengkap-melengkapi sehingga masyarakat adat menganggap hubungan keduanya begitu jitu sebagaimana perbilangan di bawah ini:

Adat dipakai, syarak diturut

Syarak mengata, adat memakai

Namun begitu, apabila membahaskan antara Adat Perpatih, Islam dan pengamalannya di kalangan masyarakat adat ini, timbul isu di kalangan sesetengah masyarakat yang melabelkannya sebagai adat yang bertentangan di sisi syarak (agama Islam) termasuklah sarjana Barat sendiri iaitu MB Hooker.

Hooker yang merupakan tokoh sarjana Barat dalam bidang undang-undang adat di Tanah Melayu telah meneruskan perjuangan sarjana-sarjana Barat lain malah menggambarkan perihal Adat Perpatih itu secara terang-terang adalah bertentangan dengan Islam dalam karyanya 'Islamic Law in South-East Asia'. Bahkan, pemikiran beliau lebih berbentuk skeptikal dalam menilai undang-undang Islam di alam Melayu yang didasari karya dan metode sarjana Barat dalam memberi penjelasan tentang kelemahan syariah Islam.

Oleh itu, kajian ini akan menilai sejauhmana kebenaran yang dilontarkan oleh Hooker selama ini terhadap Islam dan Adat Melayu. Jadi bagi melengkapkan kajian, pengkaji akan mengaplikasi beberapa metodologi dalam mempertikaikan kesahihan pandangan beliau terhadap undang-undang adat Melayu. Pengkajian yang dibuat ini lebih berprinsipkan *wasatiyyah* supaya hasil kajian nanti lebih bersifat adil dan tidak berat sebelah.

Justeru, dalam usaha penelitian ini, tumpuan khusus akan diberikan kepada beberapa bahagian utama yang berkaitan antara satu sama lain, merangkumi *pertama*; analisis terhadap elemen khusus dalam pemikiran yang didokong Hooker didalam karyanya *kedua*; analisis isu yang dikemukakan Hooker di dalam karyanya iaitu sistem pewarisan harta pusaka, sistem falsafah perbilangan adat serta sistem perlembagaan adat dan *ketiga*; kesimpulan.

4.2 ANALISA PANDANGAN MB HOOKER TERHADAP ADAT DI TANAH MELAYU TUMPUAN KEPADA BUKU ISLAMIC LAW IN SOUTH-EAST ASIA

4.2.1 Pemikiran MB Hooker Terhadap Karyanya ‘Islamic Law In South-East Asia’

Hasil daripada pembacaan pengkaji terhadap karya Hooker iaitu ‘Islamic Law in South-East Asia’, maka kedapatan dalam penulisannya itu pada subtopik ‘Islamic Law and Customary Law’ halaman 186-188 atau terjemahan ‘Undang-undang Islam di Asia Tenggara’ dalam subtopik *Undang-undang Islam dan adat Melayu* akan kekaburan dan ketidakjelasan bagi topik tersebut. Antara kenyataan-kenyataan itu adalah:-

“any discussion of Islam in Malaysia has to take account of earlier theories as to the nature of Malay law and its relation to Islam. While these theories still colour much of the discussion about indigenous legal culture they do not explain the present-day relationship between Islam and adat.¹ “There are two forms of the relationship between adat and Islam in Malaysia, (i) one of opposition of principle which does not, however, exclude some practical accommodation, and (ii) a mixing or incorporation of rules so that the distinction between systems is blurred at least at the practical level. These two modes of relationship correspond to the main line of division in the Malay adat, i.e., between the adat perpatih where opposition to Islam is formalized, and the mass of local adat where an ‘internalization’ of Islam has blurred the disparities of principle”.²

¹ Hooker, MB, *Islamic Law in South- East Asia* (New York: Oxford University Press,1984), 161-162.

² *Ibid.*,162.

Terjemahan

“sebarang perbincangan tentang Islam di Malaysia mestilah mengambil kira teori-teori yang terdahulu berkenaan dengan sifat undang-undang Melayu dan kaitannya dengan Islam. Walaupun teori-teori tersebut banyak mempengaruhi perbincangan tentang kebudayaan undang-undang tempatan, teori-teori itu tidak menerangkan hubungan antara agama Islam dengan adat pada masa kini.³ Terdapat dua bentuk hubungan antara adat dengan agama Islam di Malaysia, (i) pertentangan dari segi prinsip yang tidak menyingkirkan penyesuaian yang praktik, dan (ii) percampuran atau penggabungan peraturan sehingga perbezaan antara kedua-dua sistem tersebut menjadi kabur sekurang-kurangnya dari segi praktiknya. Dua bentuk hubungan ini adalah selaras dengan pembahagian asas dalam adat Melayu iaitu antara Adat Perpatih yang terang-terang bertentangan dengan Islam, dengan berbagai-bagai adat tempatan dengan “internalisasi” Islam yang berjaya menutupi perbezaan prinsip”⁴

Sehubungan itu, berdasarkan kenyataan tersebut pengkaji dapat simpulkan bahawa Hooker cuba membuat dakwaan bahawa Adat Perpatih ini secara terang-terang adalah bertentangan dengan Islam. Justeru tanggapan negatif yang dilontarkan beliau telah memberi ilham kepada pengkaji bagi menjelaskan serta menganalisis akan kesalahfahaman dan kesahihan dakwaan tersebut.

Hal ini kerana tidak mustahil pemikiran beliau telah di pengaruhi oleh pemikiran sekular sepertimana sarajana-sarjana Barat lain. Kendatipun banyak sumbangan mereka kepada dunia, namun kita sebagai masyarakat Melayu tidak boleh memandang enteng akan dakwaan mereka lebih-lebih lagi untuk menerimanya secara bulat-bulat. Walhal, ramai lagi para sarjana Barat yang seantero turut mengemukakan dakwaan yang sedemikian rupa.

³ Hooker, MB, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991), 186-188.

⁴ *Ibid.*,

Sebagai tambahan, pandangan yang sama juga turut dikemukakan oleh sarjana Barat yang lain dalam menafikan pengaruh syariah Islam terhadap adat Melayu. Sebaliknya menuduh adat yang mempengaruhi pelaksanaan syariah. Antaranya R.J. Wilkinson, E.N.Taylor, Jessolin de Jong dan Moshe Yegar.⁵ Bagi Wilkinson beliau mendakwa bahawa orang Melayu tidak harmoni dengan doktrin Islam yang mereka ikuti. Malah, pada masa yang sama juga beliau turut menafikan pengaruh syariah Islam terhadap adat yang mengatur kehidupan masyarakat.⁶

Sementara Taylor,⁷ Jessolin de Jong⁸ dan Moshe Yegar⁹ bersepat mengatakan bahawa Hukum Islam itu diubah-ubah dan dicampur adukkan oleh penduduk setempat. Hasil dari perbandingan dan penelitian pengkaji berkenaan persamaan metodologi pemikiran tokoh-tokoh sarjana ini seperti R.J Wilkinson, E.N.Taylor, Josselin de Jong, Moshe Yegar, Francis Light, William Marsden, Thomas Stamford Raffles, James Richardson Logan dan William Maxwell, pengkaji mendapati pendekatan kesemua tokoh tersebut adalah sama, memandangkan kesemua tokoh tersebut merupakan

⁵ Selain pandangan ekstremis tersebut, terdapat juga sarjana Inggeris yang berpendekatan berhati-hati. Lihat Hooker, MB, *The Personal Laws of Malayasia* (Melbourne: Oxford University Press, 1976). Beliau juga berpandangan sederhana di mana beliau memperakui adat cuba menyesuaikan falsafahnya dengan hukum-hukum Islam. Lihat Hooker, MB, *Islamic Law in South- East Asia*. (terj.) Rohani Abdul Rahim et. al., *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 282.

⁶ R.J.Wilkinson, "Adat Law", dalam *Readings in Malay Adat Law*, ed. Hooker, MB (Singapore: Singapore University Press,1970), 6-7.

⁷ E.N. Taylor, "Aspect of Customary Inheritance in Negeri Sembilan," 163- 164.

⁸ Selain itu, Josselin de Jong turut membincangkan hubungan antara adat dan Islam di mana dengan beraninya beliau merumuskan bahawa hubungan timbal balik antara Islam dan adat itu sebenarnya adalah 'the conflict between two systems of practices and ideals'. Menurutnya juga konflik terbesar adalah dalam soal harta dan pewarisan. Lihat Norazit Selat, *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia d/a Muzium Negara, 1990), 45-46. Lihat juga Josselin de Jong, "Islam Versus Adat in Negeri Sembilan (Malaya)" dalam *Bijdragen Tot de Taal Land en Volkenkunde. (contribute to the land speech and cultural anthropology)*, (S'Gravenhage: 1960), 158-203.

⁹ Moshe Yegar, "Islam and Islamic Institution in British Malaya, 1874-1941: Policies and Implementation" (Tesis kedoktoran, Hebrew University, 1976), 123-124. Lihat juga Moshe Yegar, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya* (Jurusalem: The Magnes Press & Hebrew University, 1979), 123.

pencetus kepada ideologi Hooker dalam menilai dan meneruskan kajian tentang adat Melayu.

4.3 ISU ATAU ELEMEN KHUSUS YANG DIKEMUKAKAN OLEH MB HOOKER DI DALAM KARYANYA ISLAMIC LAW IN SOUTH-EAST ASIA

4.3.1 Isu Pertama: Sistem Pewarisan Pusaka

Lanjutan daripada pemikiran Hooker tadi dalam subtopik *Islamic Law and Custom*, maka kedatangan satu isu utama yang akan pengkaji fokuskan iaitu berkaitan dengan sistem pewarisan pusaka dalam Adat Perpatih. Isu ini bukanlah satu isu yang baru tetapi masih tetap dibincangkan sehingga sekarang termasuk Hooker sendiri.

Antara kenyataan tersebut:-

*“First, the adat inheritance rules depart in important aspects from the Islamic rules. The adat singles out land as a special category of property, certain sorts of land (the so-called ‘ancestral’ or pesaka) are only inheritable by designated female and male ownership and inheritance rights are several restricted. Legislation and judicial precedent, as distribution proceedings in District Offices, confirm the exclusion of Islamic rule”.*¹⁰

¹⁰ Hooker, MB, *Islamic Law in South- East Asia*, 162.

Terjemahan:-

*“Peraturan tentang pewarisan di bawah adat ini adalah berbeza dari segi aspek-aspek yang penting dengan peraturan dalam Undang-undang Islam. Tanah di anggap sebagai suatu kategori harta yang khas di bawah adat. Di samping itu, beberapa jenis tanah tertentu, seperti tanah pusaka hanya boleh diwarisi oleh orang perempuan yang tertentu sahaja dan pemilikan tanah oleh kaum lelaki serta hak pewarisan mereka amat terbatas. Perundangan, duluan kehakiman dan prosiding pembahagian harta di Pejabat Daerah jelas menunjukkan bahawa Undang-undang Islam tidak di gunakan”.*¹¹

*Teks: Sebelum mengkaji dengan lebih mendalam tentang persoalan ini, suatu perkara penting yang perlu diambil perhatian ialah bahawa undang-undang berkenaan dengan harta orang Islam tidak tersusun.*¹²

Dalam kenyataan di atas, Hooker telah menyentuh isu berkaitan dengan Sistem Pewarisan Pusaka yang agak kurang jelas dan kabur. Pada masa yang sama beliau mendakwa Undang-undang harta bagi orang Islam adalah tidak tersusun dan sekali gus telah membawa perbezaan dalam menggunakannya di antara sistem yang terdapat di dalam adat dan juga sistem yang terdapat pada Undang-undang Islam.

Oleh yang demikian, beberapa penjelasan akan dilakukan berhubung dengan isu ini antaranya dengan melihat sejarah perkembangannya termasuk perspektif Tokoh atau Ulama’ Hukum terhadap sistem pewarisan menurut Adat Perpatih, dan jawapan terhadap isu yang di lontarkan Hooker berhubung dengan sistem pewarisan pusaka dengan syariah Islam.

Seperti kita semua maklum polimik ini berlanjutan berlaku sejak dahulu lagi. Oleh itu, pengkajian yang terperinci amat perlu terhadap isu ini

¹¹ Hooker, MB, *Undang- Undang Islam di Asia Tenggara*, 187.

¹² *Ibid.*, 178.

sebelum kita memberi pandangan atau melabelkannya sebagai sistem yang negatif. Sementara dalam sistem pewarisan ini, mereka lebih bertumpu kepada pemakaian adat dan Islam yang mana lebih menjurus kepada undang-undang adat.

4.3.1.1 Sejarah Perkembangan Sistem Pewarisan Pusaka

Sistem Pewarisan Pusaka merupakan salah satu amalan adat yang berterusan digunapakai sejak zaman jahiliah sehingga sekarang. Malah sistem ini juga menampakkan kelangsungannya di antara undang-undang Islam dan adat di Tanah Melayu.¹³ Menurut sejarah, sistem pewarisan ini merupakan antara amalan-amalan adat yang bermula di Tanah Arab di samping amalan-amalan songsang lain seperti menyembah cakerawala, memuja roh,¹⁴ penggunaan sistem ‘Riffadah’,¹⁵ poligami dan poliandri yang berleluasa,¹⁶ perkahwinan adik-beradik dan janda ayah,¹⁷ perceraian

¹³ Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 67.

¹⁴ A. Monir Yaakob, *Sejarah Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988), 3.

¹⁵ ‘Rifadah’ merupakan amalan masyarakat Jahiliah dengan melalui percukaian yang dikenakan ke atas orang yang mengerjakan haji. Dan jika terdapat orang asing mengerjakan haji, ia tidak dibenarkan memakai pakaian dalam keadaan bogel atau membeli pakaian daripada orang-orang di Mekah. Ia dinamakan ‘Hanim’. Lihat Anwar Ahmad Qadri, *Islamic Jurisprudence In The Modern World* (Lahore: t.p, 1981),6.

¹⁶ Ibid., 12.

¹⁷ Bagaimanapun, amalan ini telah dihapuskan dengan kedatangan Islam melalui ayat 22 Surah An-Nisa’: “Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah di peristerikan oleh bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perkara yang keji dan dibenci oleh Allah, serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam perkahwinan)”.

termasuk talak,¹⁸ ila¹⁹ dan khuluk²⁰ turut di amalkan, serta sistem pengambilan anak angkat.

Lantaran keadaan sebelum Islam lagi, sistem ini telah berkembang menurut sistem kabilah walaupun pelbagai persengketaan yang berlarutan antara mereka dalam mempertahankan kabilah masing-masing.²¹ Sistem ini lebih bersusur galurkan kepada sebelah bapa (*agnatic system*).²² Tujuan utama ia dilaksanakan adalah bagi menjaga harta kabilah mereka sendiri. Ketikamana berlakunya kematian dalam suatu kabilah, harta tersebut akan diperolehi sebagai warisan pusaka bagi pihak keluarga lelaki atau keluarga sebelah bapa (*'asabah*) sahaja.²³ Manakala, pengecualian harta pusaka ini

¹⁸ Maksud Talak ialah melepaskan ikatan perkahwinan dengan lafaz sahih (terang) atau kinayah (sindiran). Malah talak telah pun wujud di zaman jahiliah lagi.

¹⁹ 'Ila' ialah sumpah si suami bahawa dia tidak akan bersetubuh dengan isterinya selama empat bulan atau lebih atau tidak menyebutkan masanya. Hukumnya haram kerana ia menyebabkan kemudaratan kepada isteri dan adalah 'ila ini asalnya talak pada zaman jahiliah. Lihat Hj. Mohd Sanusi Hj. Mahmud, *Undang-undang Keluarga Dalam Islam* (Kelantan: Dian Darul Naim Sdn. Bhd, 1984), 101.

²⁰ 'Khuluk' yang dimaksudkan di sini mungkin juga khuluk tebus talak di mana jika terdapat sebab-sebab yang menjadikan kedua isteri tidak dapat bercampur gaul dengan secara aman dan damai, maka diizinkan kepada isteri untuk meminta talak dengan membayar kepada suaminya suatu benda yang berharga sebagai ganti, tapi banyak sedikitnya benda itu menurut persetujuan keduanya.

²¹ Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab merupakan masyarakat yang dikenali dengan panggilan jahiliah, yang mana hidup mereka tiada berpandukan kepada satu sistem perundangan yang pasti. Jahiliah adalah istilah yang digunakan bagi maksud sifat-sifat kegilaan, kesombongan dan marah membabi buta. Lihat Naufal Abdul Razzak, "Islam dan Ilmu Pengetahuan Moden", dalam *Sejarah Perundangan Islam*, ed. A. Monir Yaakob (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988), 2. Mereka dikatakan jahil kerana mereka tidak mengakui Allah Yang Maha Esa, malah mereka menyembah patung dan fenomena-fenomena alam yang lain. Dua golongan bangsa Arab yang terbesar adalah Badwi dan Handari. Masyarakat Badwi hidup di kawasan desa, yakni di lereng gunung atau bukit dan memelihara binatang ternakan dan teras kehidupan mereka adalah air. Mereka lebih suka mengasingkan diri daripada bangsa lain dan mempunyai kesukuan dan egoisme yang tinggi. Manakala masyarakat Handari hidup di bandar dengan menjalankan perniagaan dan mempunyai sifat-sifat kepahlawanan, kewartawanan dan disegani ramai. *Ibid.*, 4-9. Lantaran keadaan sebelum Islam, maka terdapat pelbagai adat, kebiasaan atau sifat-sifat yang diamalkan oleh mereka. Antaranya termasuklah *polyandry*, *infanticide*, *poligami* dan *perceraian*. Lihat Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*, 4.

²² *Ibid.*, 11.

²³ *Ibid.*, 12.

adalah kepada kaum wanita,²⁴ orang-orang yang dibawah umur (sekalipun anak lelaki), kaum yang lemah dan keluarga sebelah ibu (*cognates*).

Rasionalnya, pengecualiaan ke atas golongan perempuan adalah dengan alasan mereka merupakan golongan yang lemah, tidak mampu berperang dan boleh mendatangkan malu kepada keluarga.²⁵ Hal ini merupakan lanjutan daripada kebencian mereka kepada kaum perempuan pada zaman jahiliyah dan bagi mereka kaum ini merupakan beban malah tidak berkemampuan untuk mempertahankan maruah keluarga. Oleh itu, pengkaji dapat rumuskan bahwa sistem pewarisan pusaka sebelum Islam dengan beberapa perkara iaitu:-

- a) kaum wanita dan keluarga sebelah ibu tidak berhak terhadap harta
- b) Keluarga lelaki sebelah bapa yang terdekat mendapat segala harta si mati
- c) Keturunan sebelah bawah (*descendants*) adalah lebih utama daripada keturunan sebelah atas (*ascendants*) diikuti oleh keluarga sejajar (*collateral*)
- d) Keluarga lelaki sebelah bapa (*agnates*) yang sejajar adalah sama-sama mewarisi dan dibahagikan bersama harta itu menurut 'percapita'.²⁶

Namun begitu, keadaan berubah setelah kedatangan Islam; antaranya dengan memperkenalkan prinsip kesamarataan (*principles of equality*) di antara jantina yang

²⁴ Pada zaman jahiliyah, wanita tidak mendapat tempat di dalam masyarakat, malah mereka dianggap barang yang boleh diwarisi dalam hal perwarisan. Anwar Ahmad Qadri, *Islam Jurisprudence In The Modern World*, SN. Muhammad Ashraf (Lahore, 1981), 13.

²⁵ Ahmad Amin, *Fajar Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980), 13.

²⁶ Semua waris mendapat bahagian yang sama jika harta tidak berwasiat dan tidak mengikut 'Per Stripes'. Lihat P.G. Osborn, *A Concise Law Dictionary* (London, 1964), 238.

berlainan.²⁷ Terdapat dua asas utama dalam sistem warisan dalam Islam iaitu *pertama* ia mestilah menurut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh al-Quran atau hadis. *Kedua*, adat atau kebiasaan yang diamalkan di kalangan masyarakat Arab sejauh mana ia tidak bertentangan dengan Quran atau hadis.²⁸ Sebagai contoh permulaan sejarah undang-undang pusaka Islam adalah berdasarkan hadis berikut:

*“Balu Sa’d ibni al-Rabi’ telah datang kepada Nabi (SAW) bersama-sama dua orang anak perempuannya. Ia mengaku kepada baginda yang suaminya telah terkorban dalam peperangan uhud, dan bapa saudara kepada anak-anak perempuan itu telah mengambil semua pusaka dengan tidak meninggalkan sedikit pun kepada kedua-dua yang dapat menolong mereka sehingga berkahwin kelak. Kemudian Nabi (s.a.w.) pun diam seketika sehinggalah turun ayat-ayat mengenai pusaka itu, lalu baginda pun memanggil bapa saudara mereka dan menyuruh ia memberikan 2/3 daripada pusaka si mati itu kepada kedua-dua anak perempuan tersebut dan 1/8 kepada balu, kemudian ia bersabda: Kamu ambillah yang bakinya untuk kamu sendiri”.*²⁹

Berhubung dengan undang-undang pusaka dalam Islam, maka hadis ini bertepatan isi kandungannya mengandungi sari pati perubahan yang Islam kenakan ke atas orang Arab sebelum kedatangan Islam yang mengamalkan sistem kabilah dalam

²⁷ Anwar Ahmad Qadri, *Islamic Jurisprudence In The World*, 424.

²⁸ Syed Khalid Rashid, *Muslim Law* (Lucknow: Eastern Book Co, 1979), 230.

²⁹ Ibn Mājah, *Kitāb al-Sunan* (Cairo,1313H), 11:84. Lihat juga al-Khattabi, “Ma’ alim al-Sunan”, dalam *Kitāb al-Sunan*, ed. Abu Daud dan Ḥallaq (t.tp: t.p, 1352H.,1934M.), 95-96. Lihat juga Othman Ishak, *Hubungan antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*,14.

adat pusaka mereka. Manakala, bagi kategori ayat al-Quran pula yang berhubung dengan sistem pusaka adalah Surah An-Nisa' ayat 11,³⁰ ayat 12,³¹ dan ayat 176.³²

Secara keseluruhannya, pengkaji dapati kedatangan Islam telah membawa perubahan-perubahan seperti berikut:

- a) Suami atau isteri dijadikan sebagai waris
- b) Wanita dan saudara sebelah ibu (cognates) dibolehkan mewarisi pusaka
- c) Ibu bapa dan datuk nenek (ascendants) adalah diberi hak mewarisi sekalipun ada anak cucu (descendants) yang lelaki
- d) Sebagai peraturan am, tiap-tiap perempuan diberi 1/2 bahagian daripada lelaki³³

³⁰ “Allah telah menetapkan bahagian anak-anak kamu dari peninggalan harta; iaitu bahagian laki-laki sama dengan bahagian dua orang perempuan; maka jika perempuan itu lebih dari dua orang, mereka mendapat 2/3 dari peninggalan, jika perempuan itu seorang sahaja ia mendapat 1/2 dari bahagian ibu bapa masing-masingnya 1/6 dari peninggalan itu; jika ia mempunyai anak dan jika yang meninggal itu tiada beranak dan yang mempusakai hanya ibu bapa sahaja, maka buat ibu ketika 1/3 bahagian, tetapi kalau si mati mempunyai saudara, maka ibunya mendapat 1/6, iaitu sesudah dikeluarkan wasiat dan hutangnya. Bapamu dan anak-anakmu, tiadalah kamu tahu siapakah di antara mereka yang hampir kepadamu. Inilah suatu ketetapan daripada Allah, bahawasanya Allah itu Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

³¹ “Jika perempuanmu meninggal, kamu mendapat 1/2 dari peninggalannya jika ia tiada beranak; tetapi jika ia beranak, maka bagimu 1/4 sahaja, dari peninggalan itu, iaitu sesudah dikeluarkan wasiat dan hutangnya. Jika perempuan kematian suami ia mendapat 1/4 bahagian daripada peninggalan, jika suami tidak beranak; maka jika ia beranak maka perempuannya mendapat 1/2 bahagian sahaja, iaitu setelah dibayarkan dan hutangnya. Jika yang meninggal itu lelaki atau perempuan tunggal (tiada beranak, tiada berbapa) tetapi mempunyai saudara seibu maka ia mendapat 1/6 bahagian; tetapi, jika saudara seibu lebih dari seorang maka berkongsilah mereka pada 1/3 bahagian; setelah dikeluarkan juga untuk wasiat dan hutangnya, dengan tiada memberi melarat kepada ahli warisnya; inilah batas yang ditetapkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun”.

³² “Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang kalalah) katakanlah: “Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah. Jika seseorang itu meninggal dan ia tiada mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan maka bagi saudaranya yang perempuan itu 1/2 dari harta yang ditinggalkannya, dan saudaranya yang lelaki mempusakai (seluruh harta saudara perempuan), jika ia tiada mempunyai anak; tetapi jika saudara perempuan itu dua orang, maka bagi keduanya 2/3 dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika mereka (ahli waris itu terdiri dari) saudara lelaki perempuan, maka bahagian seorang lelaki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan. Allah menerangkan kepada kamu, supaya kamu tidak sesat. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu”.

³³ Pandangan yang di buat oleh Fyzee. Lihat Asar Ali Asghar Fyzee, *A Modern Approach To Islam* (London: t.p, 1963), 382.

Justeru itu, kita dapat lihat bahawa perubahan yang jelas telah berlaku antara adat warisan sebelum Islam dan selepas Islam. Lebih-lebih lagi kepada golongan yang diberi keutamaan untuk mewarisi harta warisan yang dibawa oleh Islam. Meskipun, dalam adat lama mereka ini tidak berpeluang mendapat warisan pusaka tersebut.

Dapat disimpulkan di sini bahawa, adat warisan lama (harta hanya diberi kepada anak lelaki) masih lagi dipraktik dalam Islam. Adat dari perspektif Islam walaupun tidak diiktiraf sebagai satu sumber undang-undang tidak bermakna Islam menolak adat itu sama sekali. Sebaliknya, adat diamalkan setakat mana ia tidak bertentangan dengan syariah dan ia dipergunakan untuk menepati pelaksanaan undang-undang Islam itu sendiri.³⁴

Namun begitu, persoalan timbul apabila kedatangan Islam ke Tanah Melayu³⁵ disusuli dengan pengamalan masyarakat Melayu terhadap sistem pewarisan pusaka di

³⁴ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Adat dan Kesenian Melayu : Satu Tafsiran Dari Perspektif Islam" (makalah, Seminar Adat dan Kesenian Melayu Mengikut Perspektif Islam, Institut Seni Melaka Malaysia (ISMMA), Melaka, 2 Oktober 2002).

³⁵ Pelbagai pandangan tentang sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Bagi menentukan tarikh kedatangan Islam ke Malaya adalah sukar, atau malahan itu suatu perkara mustahil. Antara pandangan-pandangan tersebut:-

- Menurut S.Q.Fatimi beliau berpandukan kepada Inskripsi di Terengganu yang tercatat di batu suatu tarikh dalam bulan Rejab tahun cancer 702 M iaitu bulan Februari, 1303 M. Ia merupakan teks Melayu yang tertua sekali dalam bahasa Arab dan ia juga adalah salah satu rekod kontemporari yang mula-mula tentang kemasukan Islam ke seberang negeri di Semenanjung. Inskripsi di batu ini jelas menunjukkan sebagai suatu tiang, mengenai catatan-catatan suatu perintah bagi mengisytiharkan undang-undang tertentu. Lihat juga S.Q.Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapura, 1963), 60. Sumber-sumber inskripsi dapat dilihat, ibid. Plates X, XI, XII, XIII.
- Menurut D.G.Hall pula ia meramalkan bahawa boleh jadi kedatangan Islam ke Tanah Melayu adalah sekitar tahun 1303 dan 1387 M. Lihat D.G.E. Hall, *A History of South East Asia* (London: t.p., 1955), 177.
- Menurut pandangan Brian Harrison pula adalah sekitar tahun 1326 atau 1386 M berdasarkan inskripsi batu tersebut. Lihat juga Brian Harrinson, *South East Asia A. Short History*, ed. ke-3 (London, 1967), 54. Pandangan beliau turut dipersetujui oleh Sir Richard Winstedt. Lihat Sir R. Winstedt, *Malaya and its History* (London, 1948), 32. Lihat juga bukunya, *The Malaya A Cultural History* (Singapura, 1947), 26-27. Namun begitu, penyebaran Islam ke Tanah Melayu secara pesat sebenarnya dalam abad kelima belas dan selepasnya. Penyebaran Islam yang pertama ke Tanah Melayu menurut sejarah ialah di Melaka berdasarkan lagenda seorang Arab dari Jeddah datang ke Melaka, bernama Sayyid 'Abdul Aziz dan seterusnya memeluk Islam. Penerangan lebih lanjut lihat Othman Ishak, *Hubungan antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*, 67-68.

dalam Adat Perpatih yang dikatakan bertentangan dengan Islam. Hal ini kerana adat tersebut lebih mengutamakan kaum perempuan daripada kaum lelaki. Menurut konsep am Adat Perpatih kewarisannya berbentuk kolektif, iaitu setiap ahli waris tidak mempunyai hak milik atas harta peninggalan atau harta pusaka, tetapi hanya mempunyai hak pakai sahaja.³⁶ Setiap tanah adat yang dimiliki oleh sesuatu suku adalah hak milik bersama dan setiap rumpun atau keluarga dikhususkan pada kawasan-kawasan tertentu bagi mengusahakan tanah tersebut.³⁷ Pemilikan adat secara bersama ini bersesuaian dengan konsep kemasyarakatan Adat Perpatih yang mengamalkan kekeluargaan bersuku.

Melihat kepada konsep harta yang diamalkan masyarakat Adat Perpatih ia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu harta pusaka adat (tanah adat) dan harta carian.³⁸ Bagi harta pusaka adat terdiri daripada pusaka benar dan pusaka sendiri. Pusaka sendiri merupakan harta yang diperolehi seorang anak daripada kedua ibu bapanya yang berbentuk barangan peribadi mereka semasa hayat.³⁹ Pemilikan antara anak perempuan dan lelaki adalah berbeza iaitu jika anak tersebut perempuan, maka harta tersebut terdiri daripada pakaian dan barang kemas. Tetapi, sekiranya anak lelaki harta tersebut terdiri daripada keris, pedang dan pakaian khusus bagi lelaki. Pentabdiran pusaka jenis ini juga turut dikenali sebagai pusaka kecil sebagaimana yang tercatat dalam Small Estate Act:

³⁶ Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), 116.

³⁷ Norhalim Hj. Ibrahim, "Sistem Adat Masyarakat Negeri Sembilan (Suatu Pengenalan Ringkas)", dalam *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, ed. A.Samad Idris (Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Negeri Sembilan, 1994), 64.

³⁸ Hooker, MB, *Adat Law In Modern Malaya: Land Tenure, Traditional Government And Religion* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972), 209.

³⁹ Noor Haslina Osman, "Adat Melayu Sebagai Sumber Hukum Penilaian Dari Perspektif Teori Al-'Urf Wa Al-'Adah" (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 94.

*The estate of any deceased person was at the time of his death member of a tribe shall be small estate, whatever its total value and every such person shall be deemed for the purpose of this Act to have died intestate in respect of that estate*⁴⁰

Biarpun demikian, kategori kedua iaitu pusaka benar lebih berbentuk tanah dan rumah yang dimiliki secara suku.⁴¹ Berasaskan persetujuan ketua adat, harta pusaka benar ini akan diserahkan kepada golongan perempuan untuk dipelihara dan diusahakan. Pemberian ini dikenali sebagai hak pakai bukan hak milik perseorangan dalam hukum adat.⁴²

Meskipun begitu, dalam kategori ini pihak perempuan dilarang untuk memindahkan hak milik ini kepada orang lain sama ada melalui penjualan, pertukaran nama atau pemindahan hak milik. Namun begitu, situasi seperti keperluan untuk menguruskan kematian, menunaikan haji dan menjaga maruah dibolehkan dijual tanah tersebut dengan syarat mendapat kebenaran daripada ketua adat selaku pihak berkuasa ke atas tanah itu.

Sebaliknya, kedatangan penjajah Inggeris ke Negeri Sembilan sekitar abad ke-19⁴³ telah menyebabkan perubahan pada sistem tanah adat lebih-lebih lagi apabila berlaku campur tangan di kalangan mereka dalam urusan pentadbiran tanah adat masyarakat tersebut. Pada masa yang sama, mereka cuba memperkenalkan beberapa

⁴⁰ S.22, The Small Estates (Distribution) Act 1955.

⁴¹ Hooker, MB, *Adat Law In Modern Malaya*, 209.

⁴² Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, 146.

⁴³ Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih Perbezaan Dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1993), 147.

sistem antaranya sistem Torrens⁴⁴ iaitu kaum perempuan mempunyai hak untuk menjual atau menggadaikan tanah tersebut.⁴⁵ Hal ini disebabkan anggapan mereka bahawa pemberian yang dibuat oleh ketua adat terhadap kaum perempuan suatu yang luar biasa.⁴⁶ Malang sekali pelaksanaan sistem Torrens ini seolah-olah telah menyebabkan berlakunya pertentangan antara sistem tanah adat dengan hukum syarak kerana membenarkan kaum perempuan sahaja mewarisi pusaka.⁴⁷

Seterusnya, pihak penjajah juga telah memperkenalkan beberapa undang-undang tanah adat yang telah disesuaikan bermula dengan undang-undang yang terawal pada tahun 1887 sehinggalah undang-undang yang terakhir digubal. *Land Legislation 1887*⁴⁸ adalah undang-undang tanah adat yang terawal diperkenalkan dalam pentadbiran tanah di Negeri Sembilan. Tujuan utama undang-undang ini adalah bagi mewajibkan pendaftaran semula pemilikan tanah serta pengenalan sistem cukai. Kemudian disusuli

⁴⁴ Sistem Torrens adalah suatu sistem pendaftaran hak milik yang telah diperkenalkan oleh Robert Richard Torrens. Idea ini adalah dorongan dari pendaftaran saham-saham perkapalan. Richard Torrens pernah menjadi Collector of Customs di Australian Selatan pada tahun 1851, sebagai Colonial Treasurer dalam tahun 1856 dan pada tahun 1857 ia menjadi ahli Dewan Perhimpunan. Pada tahun berikutnya ia telah membentangkan suatu usul tentang sistem pendaftaran pemindahan hak milik tanah. Usul ini telah diterima dan dikenali sebagai Sistem Torrens. Sistem ini bermatlamat untuk memudahkan urusan yang berkaitan dengan tanah dan untuk menjamin kekukuhan hak milik bagi semua tuan punya tanah yang telah didaftarkan. Ini menerangkan kedudukan sesuatu dokumen hak milik tanah itu dan menjamin dari dikenakan kuatkuasa (mahkamah) undang-undang atau dipalsukan. Lihat Nadzan Haron, "Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah 1877-1957: Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah", dalam *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, ed. A.Samad Idris (Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan, 1994), 12. Lihat juga Donald Kerr, *The Principle of the Australian Lands Title (Torrens) System* (Adelaide: 1927), 6.

⁴⁵ Hooker, MB, *Adat Law In Modern Malaya*, 209.

⁴⁶ Norhalim Hj Ibrahim, *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*, 151.

⁴⁷ Abdul Samad Idris, "Secebis Mengenai: Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya", dalam *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, ed. A.Samad Idris (Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan, 1994), 52.

⁴⁸ *Ibid.*, 14.

pula dengan undang-undang tanah kedua iaitu *General Land Regulations 1889*⁴⁹ dikuatkuasakan bagi mengiktiraf semula pemilikan bumiputera sebagai pemilikan sah mengikut adat tempatan. Kemudian, sekitar tahun 1897, *Land Enactment*⁵⁰ telah diperkenalkan dengan memberi peruntukan bahawa tanah pemilikan Bumiputera didaftarkan di atas namanya.

Seterusnya diperkenalkan pula *Customary Tenure Enactment 1909*⁵¹ dengan tujuan untuk mentadbir tanah adat di Negeri Sembilan. Terdapat banyak pembaharuan melalui penubuhan undang-undang ini antaranya diperkenalkan sistem pendaftaran, geran tanah dan juga sistem cukai.⁵² Malang sekali terdapat banyak kesulitan yang dihadapi oleh pihak penjajah lantaran sikap mereka yang pentingkan diri sendiri tanpa berbincang dengan ketua adat atas pembaharuan yang dilakukakan mereka.⁵³

Kesimpulannya, sistem pentadbiran tanah adat ini mengalami banyak penggubalan bermula dari zaman sebelum Islam, selepas Islam dan yang kemuncak keterlibatan penjajah Barat untuk menguasai tanah adat bagi perkembangan ekonomi mereka. Apa yang pengkaji dapati kebanyakan undang-undang tanah yang ada ini banyak memberi perhatian ke arah menggalakkan perkembangan ekonomi pengusaha-pengusaha luar, sedangkan perhatian terhadap ekonomi bumiputera langsung diabaikan.

⁴⁹ Nadzan Haron, "Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah 1877-1957: Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah", 15.

⁵⁰ Ibid., 18.

⁵¹ Hooker, MB, *Adat Law In Modern Malaya*, 209.

⁵² Abdul Samad Idris, "Secebis Mengenai: Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya", 13-23.

⁵³ Ibid., 30

4.3.1.2 Jawapan Terhadap Persoalan Yang di Lontarkan Hooker Berhubung Dengan Isu Sistem Pewarisan Pusaka Menurut Adat Perpatih

Dalam konteks ini, isu pertentangan dalam sistem pewarisan harta⁵⁴ pusaka⁵⁵ dalam Adat Perpatih terus menerus diperdebatkan terutama di kalangan tokoh-tokoh adat sama ada tokoh dari Alam Minangkabau mahupun dari Negeri Sembilan sendiri khususnya. Pusaka Tinggi berupa harta (seperti hutan, tanah, sawah, serta ladang) yang diwarisi turun-temurun, dari ninik turun ke mamak dan dari mamak turun ke kemenakan. Malah, ia juga tidak boleh dijual beli atau digadaikan sebagaimana yang

⁵⁴ Secara umum ‘harta; menurut perspektif masyarakat pengamal Adat Perpatih, dikategorikan kepada dua bentuk utama iaitu ‘harta pusaka’ dan ‘harta carian’ yang kemudiannya akan diklasifikasikan kepada beberapa kategori harta iaitu ‘harta pembawa’ dan ‘harta dapatan’. Harta Carian adalah harta carian laki bini, semasa mereka mendirikan rumahtangga. Ia didapati dengan cara belian dan tidak termasuk dalam kategori harta pusaka. Ia juga boleh berasal daripada harta pembawa atau dapatan. Umpamanya harta dapatan seekor kerbau, jika kerbau itu membiak maka anak-anak kerbau itu dikatakan carian laki bini. Sementara harta dapatan ia termasuk dalam kategori harta pusaka dan merupakan harta milik perempuan yang diwarisi dari ibunya atau waktu ia berkahwin termasuk di dalamnya: harta carian bujang yang didapati sebelum berkahwin dan harta carian janda yang didapati sewaktu wanita itu bercerai dengan suaminya. Harta Pembawa pula adalah harta milik kaum lelaki yang didapati sebelum berkahwin, sama ada ia merupakan harta carian bujang atau yang dihadiahkan oleh ibu bapanya atau hadiah-hadiah dari keluarga sesudah berkahwin dan harta bahagiannya hasil dari pembahagian harta carian jika ia sudah beristeri sebelum itu.

⁵⁵ Menurut adat sistem pewarisan terhadap Adat Perpatih ini terbahagi kepada dua iaitu: pertama, Pusaka Tinggi atau Pusaka Benar dan kedua, Pusaka Rendah atau Pusaka Sendiri. Lihat Hamka, *Islam & Adat Minangkabau* (Selangor: Pusaka Dini Sdn Bhd, 2006), 115. Pusaka Tinggi merupakan panggilan bagi orang Minangkabau sahaja, sementara dalam ‘Enakmen Pemegang Tanah Adat 1990’, ia di sebut sebagai Tanah Adat (Customary Land). Bagi Pusaka Benar, harta ini adalah kepunyaan waris dalam pengertian ahli-ahli suku. Semua pusaka benar tersebut diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja. Tegasnya, pusaka benar itu diwarisi turun-temurun. Pemilik-pemilik perempuan adalah sebagai pemegang amanah yang tertentu sahaja, iaitu berhak mengusahakan, mengambil faedah daripadanya dan tempat saudara lelaki berlindung semasa bujang atau bercerai atau dengan istilah Hukum Adat, mereka itu hanya mempunyai; hak pakai dan bukan hak milik perseorangan. Oleh kerana itu, harta pusaka benar tidak boleh dijual kecuali oleh sesuatu sebab tertentu dan dengan kebenaran Lembaga/Undang. Bagi *Pusaka Sendiri* pula di Minangkabau terkenal dengan istilah *Pusaka Rendah* dan dalam “Small Estates Act” disebut *Pusaka Kecil*. Pusaka jenis ini disebut juga sebagai Pusaka Pakaian Diri Sendiri yang merupakan segala jenis harta benda dan diwarisi oleh anak daripada orang-orang tuanya, seperti barang-barang kemas dan lain-lain harta carian. Lihat Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, 146-147.

ditetapkan oleh adat sebagai harta yang dijual tidak dimakan beli, digadai tidak dimakan sando.⁵⁶

Oleh yang demikian, pusaka jenis inilah yang sering dipermasalahkan kerana memang selamanya ia tidak diwariskan mengikut hukum fara'idh. Ulama yang berpendirian keras menganggapnya sebagai harta shubhah yang perlu dihindari. Sementara harta sepercarian tidak menjadi perbalahan di kalangan mereka kerana ia boleh diwasiatkan.⁵⁷ Oleh sebab tidak senang dengan sistem adat seperti itulah sebilangan ulama anak Minang lebih suka menetap diluar dan tidak mahu pulang ke negeri asal mereka. Demikianlah sikap yang diperlihatkan oleh Syeikh Ahmad Khatib yang menetap di Makkah, Haji Agus Salim yang lebih banyak berada diluar Minangkabau dan juga Syeikh Tahir Jalaluddin⁵⁸ yang memilih Tanah Melayu sebagai pusat gerakannya.⁵⁹

Dalam konteks lain, isu Pusaka Tinggi ini tidak dilihat sebagai objek utama pertentangan di antara adat dengan syarak secara simplistik. Hal ini kerana kedapatan para ulama Minang sendiri yang tidak sekata. Dalam kaitan ini Hamka mencatatkan bahawa ulama-ulama yang menjadi tokoh penting Perang Paderi⁶⁰ seperti Haji Miskin, atau Haji Abdul Rahman Piobang, atau Tuanku Lintau tidak menjadikan Pusaka Tinggi

⁵⁶ Siddiq Fadhil, "Islamisasi Budaya Pribumi: Meninjau Pengalaman Minangkabau dalam Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi" (makalah, Seminar Tertutup Pemantapan Nilai Islam Dalam Sitem Adat Perpatih, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 24-25 November 1997).

⁵⁷ Hamka, *Islam & Adat Minangkabau* (Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd, 2006), 29.

⁵⁸ Beliau meninggal pada 26 Oktober 1956, di Kuala Kangsar, Perak.

⁵⁹ Deliar Noer, *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942* (Kuala Lumpur: Oxford University Press), 19.

⁶⁰ Perang membanteras saki-baki adat Jahiliah di Minangkabau.

sebagai sasaran. Pandangan yang sama turut disokong oleh tokoh Paderi yang radikal ini Tuanku Nan Renceh.⁶¹

Seterusnya Hamka menyebut pula tentang pendirian ayahnya Haji Abdul Karim Amrullah yang juga terkenal dengan keloporannya dalam gerakan menentang unsur-unsur adat yang bertentangan dengan Islam. Bagaimanapun yang beliau tentang adalah yang berbentuk “dogeng-dogeng khayal yang tidak ilmiah” yang banyak terkandung dalam Tambo-Tambo Minangkabau. Juga amalan mewariskan Harta Pencarian kepada kemenakan. Tetapi sistem penurunan harta Pusaka Tinggi tidak disinggungnya.⁶²

Dengan demikian, ternyata dalam isu ini beliau tidak sependapat dengan gurunya, Syeikh Ahmad Khatib yang mensifatkan harta yang diperoleh menerusi sistem pewarisan secara adat itu sebagai harta shubhat, malah sebagai hasil perampasan, pencabulan hak anak yatim dengan segala implikasinya. Pelakunya dianggap fasiq, tidak boleh menjadi saksi nikah serta nikah yang disaksikannya tidak sah dan perlu diulangi semula. Ia harus bertaubat. Jika tidak, akan menjadi murtad, terkeluar dari umat Islam serta tidak berhak dimakamkan secara Islam.

Sebaliknya Haji Abdul Karim Amrullah menfatwakan bahawa harta pusaka Tinggi sebagai *wakaf* atau sebagai *harta musabalah* yang pernah dilakukan Umar bin Khattab pada hartanya sendiri di Khaybar, bermaksud harta tersebut boleh diambil isinya tetapi tidak boleh ditasarrufkan tanahnya.⁶³ Fatwa tersebut didasarkannya kepada

⁶¹ Siddiq Fadhil, “Islamisasi Budaya Pribumi: Meninjau Pengalaman Minangkabau dalam Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi”.

⁶² Mochtar Naim ed. *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Warisan Minangkabau* (Padang: Centre for Minangkabau Studies Press, t.t.), 33.

⁶³ Hamka., *Islam & Adat Minangkabau*, 32.

kaedah *uṣul*, *al-‘adah muhakamh*, wa *al- ‘urf qadhin* bermaksud adat diperkukuh, tradisi berlaku.⁶⁴

Di samping itu, Syeikh Ahmad Khatib tidak membezakan di antara Harta Pencarian dengan Harta Pusaka. Baginya kedua-duanya harus ditundukkan kepada hukum fara’idh. Tetapi murid-murid beliau menyedari perbezaannya. Oleh sebab itu, mereka akur dengan ketetapan bahawa Harta Pencarian harus diperturunkan mengikut hukum fara’idh apabila pemiliknya meninggal dunia. Tetapi Harta Pusaka sebagai harta milik suku tidak boleh difara’idhkan apabila berlaku kematian, kerana yang mati adalah individu yang bukan pemiliknya. Suku yang menjadi pemilik harta itu masih tetap hidup. Dengan demikian sebagaimana yang dicatat oleh Deliar Noer, Harta Pusaka seharusnya dianggap sebagai wakaf suku. Oleh itu, maka terciptalah *Harta Musabalah* bagi wakaf jenis ini.⁶⁵

Selanjutnya, mengaplikasikan sistem fara’idh ke atas harta Pusaka Tinggi ternyata tidak mudah. Harta yang telah dipusakai turun-temurun itu sudah tidak dapat dikesan asal-usul pemilik sebenarnya. Menyedari kekusutan punca pusaka sedemikian itu, Prof. Dr. Hazairin S.H., seorang ahli bidang hukum Islam yang terkenal itu menyimpulkan bahawa ia tidak dapat diurus dengan hukum Islam lagi. Dengan demikian beliau menyarankan “*Biarlah tetap dikungkung oleh adat. Pakailah secara sistem Minangkabau. Jalankanlan*”. Beliau akur dengan ketetapan Kongres Bukit Tinggi 1952 bahawa Harta Pencarian diwariskan mengikut hukum fara’idh, manakala Harta Pusaka kekal dipusakai secara adat.⁶⁶

⁶⁴ Hamka., *Islam & Adat Minangkabau*., 126.

⁶⁵ Deliar Noer, *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*, 218-219.

⁶⁶ Siddiq Fadhil, “Islamisasi Budaya Peribumi: Meninjau Pengalaman Minangkabau dalam Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi”.

Selain itu, cara pembahagian Pusaka Tinggi dalam sistem adat itu memang ada kejanggalannya. Tetapi menundukkannya kepada sistem fara'idh tidak pula menjadikannya Islamik, malah mungkin lebih tidak Islamik. Memfara'idhkan harta yang bukan milik mutlak si mati adalah bertentangan dengan syarak. Oleh sebab itu, pendirian para ulama yang bersetuju mengekalkan sistem adat tersebut memang dapat difahami. Namun mereka tetap merasa dituntut memberikan justifikasi syaraknya. Mungkin dalam rangka inilah ada di kalangan mereka yang bersandar kepada prinsip '*urf*' sebagai sumber hukum. Yang dimaksudkan dengan '*urf*' seperti yang diungkapkan oleh Hasbi Asy Shiddieqy ialah adat kebiasaan yang dipandang baik oleh akal dan diterima oleh tabiat manusia yang waras.⁶⁷

Menurutnya syari'at Islam mengakui '*urf*' sebagai sumber hukum kerana menyedari kenyataan bahawa adat kebiasaan telah memainkan peranan penting dalam mengatur lalu lintas hubungan dan tatatertib sosial di kalangan anggota masyarakat. Adat kebiasaan telah berkedudukan pula sebagai hukum yang tidak tertulis dan dipatuhi kerana dirasakan sesuai dengan rasa kesedaran hukum mereka. Adat kebiasaan yang telah menjadi tradisi yang menyatu dengan denyut kehidupan masyarakat memang sukar diubah. Kerana itu hal-hal yang tidak bertentangan dengan prinsip akidah dan tidak pula bertentangan dengan rasa keadilan dan perikemanusiaan, syari'at Islam bukan sahaja membiarkan hukum adat berlangsung terus, malah menempatkannya dalam kerangka hukum Islam itu sendiri.⁶⁸

Sementara itu, memasukkan Pusaka Tinggi ke dalam kategori wakaf merupakan cara penyelesaian yang mendapat dukungan agak meluas di kalangan ulama Minang. Namun dalam kaitan ini mereka juga amat menyedari masalah-masalahnya;

⁶⁷ Sidiq Fadhil, "Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi".

⁶⁸ Ibid.,

terutama dari segi memenuhi persyaratan wakaf-pewakafnya, barang yang diwakafkan dan pihak yang menerima wakaf. Dua syarat yang terkemudian itu mungkin memudahkan untuk dipenuhi. Barang yang diwakafkan jelas (misalnya tanah), yang menerima wakaf juga jelas (kerabat suku), tetapi siapa pula yang mewakafkannya? Yang ada hanya penjaga atau pengurusnya dan bukan pemiliknya.

Bagimanapun ada yang telah cuba menyelesaikan permasalahan tersebut, seperti Yahya S.H., seorang ahli hukum yang berpendapat, "*Harta pusaka tinggi juga dapat diwakafkan atau dihibahkan asal seluruh ahli waris menyetujuinya*".⁶⁹ Andainya formula tersebut dapat diterima pada dasarnya, namun pada tahap pelaksanaannya mungkin masih ada kesulitannya.⁷⁰

Mungkin kerana menyedari masalah-masalah seperti berikut, di samping mengakui uniknya 'urf sistem adat tersebut, maka mereka ciptakan istilah baru iaitu *Harta Musabalah*, suatu variasi wakaf tersendiri, sejenis wakaf suku. Bagaimanapun apabila *Harta Musabalah* ini diqiyaskan dengan tanah 'Umar di Khaybar, timbul pula masalah ketepatan perbandingan tersebut. Tanah yang dimaksudkan itu jelas pemiliknya, iaitu 'Umar sendiri. Dengan demikian ia memang berhak secara syarak mewakafkannya. Sebaliknya dalam konteks *Harta Musabalah* soal pemilik sebenar itulah yang tidak jelas.⁷¹

Di sepanjang sejarah perkembangan dialog syarak dan adat dalam sistem adat ini memang terdapat babak-babak tegang dan emosional. Namun, pada umumnya semangat lapang dada dan kesalingan di antara kedua pihak jelas lebih kuat. Sementara di pihak pemelihara adat ada kesediaan untuk memenuhi prinsip syarak mengato, adat

⁶⁹ Sidiq Fadhil, "Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi".

⁷⁰ Mochtar Naim ed. *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Warisan Minangkabau*, 87.

⁷¹ *Ibid.*,

memakai. Manakala, di pihak agamawan pula ada kesediaan untuk turut memelihara adat. Sikap para agamawan bukan memusuhi adat, tetapi mengislamkannya dan seterusnya melestarikannya.

Semangat sedemikian itulah yang tampak pada tokoh-tokoh seperti Natsir dan Hamka. Dalam makalah berjudul, “Percaturan adat dan agama” yang ditulisnya pada tahun 1939, M. Natsir menyokong pendirian Persatuan Tarbiah Islamiah yang hanya meminta supaya Harta Pencarian sahaja diwariskan mengikut undang-undang fara’idh, sedang harta pusaka yang bukan Harta Pencarian “tidak dijadikan urusan”.⁷²

Mengenai Harta Pusaka, M.Natsir memberikan formula pengislamannya melalui dua cara. *Pertama*, dengan wasiat sebagaimana yang diperturunkan oleh syarak bahawa setiap orang Islam boleh mewasiatkan tidak lebih sepertiga daripada hartanya kepada sesiapa yang dikehendakinya. *Kedua*, dengan memberikan habuan sekadarnya kepada kerabat yang hadir sewaktu pembahagian harta pusaka sebagaimana yang disarankan dalam Al-Quran surah al-Nisa’:8.⁷³ Jalan keluar yang disarankan oleh M.Natsir itu bukan sahaja menjadikan Harta Pusaka itu Islamik, malah memungkinkannya terus berkembang. Katanya:

Jikalau hendak memperbesarkan harta “pusaka yang kawi”-yang memang buat orang Minangkabau besar juga manfaatnya sebagai ondersteuningsfonds bagi pamili, bila dapat diatur dengan baik dan adil-ada cukup terbuka jalan dengan jalan wasiat. Dengan ini waris dapat dijawab, pusaka dapat ditolong. Dengan cara yang baik sepanjang

⁷² Sidiq Fadhil, “Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi”.

⁷³ “Dan apabila sewaktu pembahagian itu hadir kerabat, anak yatim dan orang miskin, maka berilah mereka dari harta itu sekadarnya dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang baik”.

adat, halal pula sepanjang syara'. Dan tidak pula menganiaya anak yatim yang kematian bapa...⁷⁴

Dua jalan keluar yang disebut oleh M.Natsir itu adalah wasiat dan pemberian kepada kerabat yang hadir ketika pembahagian pusaka mungkin bermaksud untuk diaplikasikan dalam konteks mewariskan harta pusaka kepada kemenakan. Dengan demikian kemenakan tetap mendapat habuan sebagaimana dalam sistem adat tetapi tidak sebagai pewaris. Yang berhak menerima pusaka secara syarak sebagai pewaris yang sah adalah anak-anak dan mereka yang sudah ditetapkan dalam hukum fara'idh. Dengan formula ini terlaksanalah aturan adat "anak dipangku, kemenakan dibimbing".⁷⁵

Sementara itu Hamka dalam kertas kerjanya, "Adat Minangkabau dan Harta Pusaknya" yang dibentang Seminar Hukum Adat Minangkabau pada tahun 1968, menyatakan bahawa kaum ulama telah memberikan sumbangan dan mempertahankan harta pusaka dengan menilai kembali empat syarat yang membolehkan harta pusaka dijual atau digadaikan.

Dengan menfatwakan pengharaman mengadakan jamuan (kenduri) di rumah orang kematian (yang biasanya dilakukan apabila ninik-mamak meninggal dunia) dan dengan melarang berbelanja besar di luar kemampuan untuk walimah, harta pusaka dapat diselamatkan dari terjual atau tergadai. Hamka lalu menyimpulkan, "bahawa kedatangan Islam bukanlah memperlemah adat, tetapi memperkuatnya".⁷⁶

Justeru, pada pandangan pengkaji berdasarkan perspektif Tokoh atau Ulama' Hukum terhadap Sistem Pewarisan menurut Adat Perpatih ini kedapatan dua kategori

⁷⁴ M.Natsir, *Capita Selecta* (Jakarta: Bulan Bintang, 1981),169-183.

⁷⁵ Sidiq Fadhil, "Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi".

⁷⁶ Mochtar Naim, *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Warisan Minangkabau*, 34.

perdebatan di dalam membahaskan isu ini iaitu pandangan yang menyokong dan pandangan yang menentang. Ternyata kesemua mereka mempunyai pandangan masing-masing terhadap sistem pewarisan ini. Namun begitu, bagi pengkaji isu sistem pewarisan ini terhadap Harta Pusaka tidak timbul masalah bagi sesiapa yang memilikinya. Tetapi yang menjadi persoalan sekarang ini bagaimana untuk memaksimumkan pemanfaatan tanah pesaka yang masih ada, sesuai dengan kehendak syarak.

Oleh itu, apa yang pengkaji dapati harus bagi pengamal adat itu sendiri memastikan bahawa tidak ada tanah pesaka yang terbiar. Hal ini kerana agama Islam tidak hanya datang dengan hukum fara'idh sahaja. Tetapi ia juga membawa perintah mengusahakan tanah. Sebab itulah 'Umar ibn al-Khattab r.a. selaku pemerintah (Amir al-Mu'minin) pernah mengambil balik tanah yang gagal diusahakan oleh pemiliknya, Bilal ibn al-Harith al-Muzaniy (meskipun tanpa kerelaan Bilal kerana ia adalah pemberian daripada Rasulullah SAW). Menurut pertimbangan 'Umar r.a. pemberian yang dilakukan oleh Rasulullah SAW itu adalah dengan maksud untuk diusahakan.

Sekiranya kita amati dalam Islam pun ada mengatakan bahawa seseorang itu hanya berhak memiliki sekadar yang mampu diusahakan, manakala selebihnya harus dibahagikan kepada orang lain. Bersandarkan kepada hadith Rasulullah SAW tentang hak pemilikan yang terkait dengan pengusahaan, 'Umar membuat ketetapan, "Sesiapa yang membiarkan tanah (tanpa diusahakan) selama tiga tahun, lalu diusahakan oleh orang lain maka ia menjadi milik pengusaha itu. Tanah dalam konteks ini mungkin tidak sepenuhnya menyamai sifat dan ciri adat. Bagaimanapun yang perlu direnung adalah dari segi semangatnya, iaitu pandangan berat agama terhadap tanah terbiar.

Justeru, apa yang dapat diperkatakan di sini persoalan ketidakadilan pola pewarisan adat yang dilontarkan Hooker adalah tidak benar kerana hal ini

sememangnya terlebih dahulu telah diselesaikan oleh nenek moyang di Alam Minangkabau lagi. Bagi mereka adat dan Islam saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain dan tidak ada pertentangan antara keduanya.⁷⁷ Oleh sebab itulah, kedua-dua aspek ini sukar untuk dipisahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Tambahan pula, ia berfungsi sebagai sistem kawalan hidup yang diamalkan secara timbal balik yang telah sedia wujud sebelum kemasukan Islam lagi.

4.3.2 Isu kedua: Sistem Falsafah Perbilangan Adat

Teks:

*“Second, adat is an alternative system in a philosophical sense though it by no means completely excludes Islam. The traditional verse form (perbilangan in which adat perpatih is expressed constitutes a coherent and internally consistent narrative system. It explains the nature of the real world, the nature of Man and his relationship with that world, and provides detailed rules of conduct and standards for conduct which enable life to go on. The range of percepts in perbilangan varies widely; from the most abstract to the most detailed prescriptions for daily life. Considered solely as an explanation of the ethical imperative, the adat perbilangan cannot be dismissed as charming but of no jurisprudential significance. The do constitute a coherent normative system, a full explanation of which has yet to be written. But they do not ignore Islam; on the contrary, they attempt to accommodate the adat philosophy and the Islam imperative. The accommodation is sought in locating both norm systems on a common source, the will of God; it is He who ultimately validates universal systems. However, this accommodation, which is freely admitted to be rather sophistic, does not dispose of the fact that an alternative philosophy of law exists. It does, on the other hand, allow for a rationalization of detailed differences in such areas as the rules of inheritance”.*⁷⁸

⁷⁷ Nordin Selat, *Renungan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1978), 228. Lihat Mohd Rosli Saludin, *Naning Luak Terbilang* (Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd., t.t.), 130.

⁷⁸ Hooker, MB, *Islamic Law in South-East Asia*, 162-163.

Terjemahan:

*“Kedua, dari segi falsafahnya, adat merupakan satu sistem pilihan walaupun ia tidak sepenuhnya menyingkirkan peraturan menurut agama Islam. Bentuk perbilangan yang tradisional yang digunakan untuk menerangkan Adat Perpatih merupakan satu sistem naratif yang dapat difahami dan selaras secara dalamannya. Ia menerangkan sifat dunia sebenar, sifat manusia serta hubungannya dengan dunia itu dan seterusnya menyediakan peraturan yang terperinci tentang kelakuan serta standard kelakuan yang harus diikuti demi meneruskan kehidupan di dunia ini. Terdapat pelbagai bentuk peraturan dalam perbilangan tersebut: daripada bentuk yang paling abstrak hinggalah kepada bentuk penerangan yang terperinci untuk kegunaan seharian. Walaupun adat perbilangan dianggap semata-mata sebagai suatu huraian tentang arahan etika, ia bukan sahaja merupakan suatu kaedah yang menarik tetapi juga mempunyai nilai jurisprudens di dalamnya. Adat perbilangan memang membentuk suatu sistem normatif yang dapat difahami namun penerangan yang lanjut tentang persoalan tersebut masih belum dicatatkan secara bertulis. Dalam pada itu, ajaran Islam tidak diketepikan; sebaliknya adat perbilangan cuba menyesuaikan falsafahnya dengan hukum-hukum Islam. Penyesuaian itu bertujuan untuk menggabungkan kedua-dua sistem tersebut dalam satu sumber iaitu kehendak Tuhan; Tuhanlah yang akhirnya mengesahkan sistem sejagat. Walau bagaimanapun, penyesuaian yang terang-terang diakui sebagai agak mengelirukan ini tidak menafikan hakikat wujudnya suatu falsafah undang-undang pilihan yang lain. Sebaliknya, ia membenarkan rasionalisasi tentang perbezaan terperinci dalam aspek seperti peratura pewarisan”.*⁷⁹

Bagi isu yang kedua Hooker berpandangan Adat Perpatih ini bertentangan dengan Islam dari sudut falsafah sistem perbilangan adat itu sendiri. Berdasarkan teks yang dikemukakan oleh Hooker tersebut, pengkaji dapat simpulkan bahawa dalam usaha untuk menyesuaikan di antara falsafah perbilangan adat dengan hukum-hukum Islam dalam satu sumber iaitu bagi mencapai kehendak Tuhan; telah wujud kekeliruan

⁷⁹ Hooker, MB, *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, 186-188.

walaupun hal ini tidak menafikan hakikat wujudnya satu falsafah undang-undang pilihan lain.

Oleh itu, beberapa keterangan akan dikemukakan pengkaji bagi mengenalpasti kesahihan dakwaan beliau. Antaranya dengan melihat sejarah perkembangan sistem falsafah perbilangan adat dan jawapan terhadap isu yang di lontarkan Hooker berhubung dengan sistem falsafah perbilangan adat dengan syariah Islam.

4.3.2.1 Sejarah Sistem Falsafah Perbilangan Adat

Menurut sejarah, istilah perbilangan telah mula didokumentasikan seawalnya dalam tahun 1884 di semenanjung Tanah Melayu.⁸⁰ Sarjana Barat yang bertanggungjawab memulakan perakaman ini ialah Hervey, diikuti oleh Lister, Hale, Wilkinson dan Caldecott. Kebanyakan mereka selesa menggunakan tiga istilah iaitu *saying, maxim, dan proverb*⁸¹ bagi menggambarkan istilah perbilangan. Tetapi berbeza dengan Hervey yang tidak menggunakan istilah-istilah tersebut sebaliknya menyamakan istilah perbilangan dengan '*verbal Minangkabau traditions*'.⁸²

Sementara itu, antara wilayah-wilayah yang mengamalkan perbilangan Adat Perpatih adalah terdiri daripada Negeri Sembilan, Naning dan juga Melaka. Namun begitu, wilayah-wilayah yang dianggap sebagai rantau Minangkabau antaranya

⁸⁰ Norhalim Hj Ibrahim, *Teromba atau Perbilangan? Satu Analisis Awal* (Bangi: Afy Communications, 2003), 13.

⁸¹ Saying bermaksud perbilangan; Maxim bermaksud peribahasa, perumpamaan dan pepatah; Proverb bermaksud peribahasa dan bidalan.

⁸² _____, *Perbilangan Puisi Warisan Melayu Asli* (t.tp.: t.p., t.t.), 17. Lister menggunakan istilah proverb dan saying sebagai istilah yang 'a very beautiful expression'. Sementara Hale lebih selesa menggunakan perbilangan sebagai saying dan mengkategorikan perbilangan kepada dua bahagian iaitu sebagai kanun (code) atau perundangan. Manakala, Wilkinson cuba menambah istilah 'adat' selepas kata perbilangan atau 'old saying'. Bagi sarjana Barat Caldecott dan Hale mereka lebih gemar menggunakan istilah perbilangan dengan tiga istilah iaitu *saying, maxim, proverb* dan *axiom*.

bahagian tengah pesisir timur dan barat Pulau Riau seperti Siak, Pelawan, Indragiri, Sungai Pagu, Tiku-Pariaman, Indrapura,⁸³ serta keturunan asli suku Temuan Negeri Sembilan dan Naning adalah pengamal perbilangan Adat Perpatih juga.

Di samping itu, istilah perbilangan telah mula digunakan pada tahun 1934 sebagai salah satu istilah teknikal dalam karya sastera. Za'ba merupakan sarjana Melayu pertama yang telah mengiktirafkan istilah perbilangan sebagai istilah teknikal dan karya perbilangan itu sebagai hasil seni dan berestetika. Malah beliau mengklasifikasikan perbilangan tersebut sebagai sejenis puisi.⁸⁴

Namun begitu berbeza dengan masyarakat melayu klasik yang menyamakan istilah perbilangan adat atau kata-kata adat sebagai istilah “*teromba*” atau “*tambo*” dalam penggunaan bahasa Minangkabau. Menurut kamus am, *teromba* disebut sebagai *terumba* yang bermaksud sejarah, babad, riwayat kuno dan hikayat yang membangkitkan perkara yang sudah-sudah.⁸⁵

Manakala, Harun Mat Piah mendefinisikan *teromba* sebagai konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di negeri Sembilan dan Melaka.⁸⁶ Istilah *teromba* ini lebih sinonim dipakai juga dengan istilah ‘*terasul*’ dan ‘*tambo*’.⁸⁷

⁸³ Norhalim Hj. Ibrahim, *Perbilangan Puisi Warisan Melayu Asli*, 3.

⁸⁴ *Ibid.*, 35.

⁸⁵ Kamus Am. (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1995), 1059.

⁸⁶ Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 424.

⁸⁷ *Ibid.*, ‘*Terasul*’ bermaksud cara menggunakan atau menurunkan salasilah adat atau *teromba* itu dalam penggunaannya yang sebenar. Lihat juga Mohd. Din Ali. *Pepatah Adat Melayu* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1975), 1. Sementara *tambo* bermakna tawarikh atau sejarah (masyarakat dan adat) Minangkabau, tersusun dalam bahasa yang tetap dan dalam bentuk puisi yang sama seperti *teromba*.

Menurut Wilkonson, teromba bermaksud salasilah seseorang, suatu bangsa satu sistem dan sebagainya.⁸⁸ Perbilangan juga adalah sebahagian daripada puisi Melayu tradisional⁸⁹ yang mempunyai ciri-ciri antaranya tidak mempunyai bentuk yang tetap,⁹⁰ malah didapati dalam bentuk berangkap atau tidak. Terdiri daripada ungkapan-ungkapan dan rangkai-rangkai katanya bersifat padat dan ringkas tetapi sarat dengan pemikiran dan pengajaran yang tinggi.

Sebagai tambahan, fungsi sebenar perbilangan Adat Perpatih adalah sebagai gambaran kepercayaan, nilai dan pengangan hidup masyarakat, gambaran perlakuan dan tingkah laku, huraian dan perincian terhadap undang-undang dan peraturan yang mesti dipatuhi, bahasa kiasan atau rujukan dan bahan gunaan. Kesimpulannya, seseorang pengkaji mungkin menemui variasi-variasi adat di daerah-daerah yang berlainan di Negeri Sembilan. Ini bukanlah bererti bahawa pengamal-pengamal adat keliru tentang adat. Tetapi, ia adalah satu sifat adat itu sendiri kerana tiap-tiap daerah membuat interpretasinya sendiri ke atas adat yang diterapkan dalam perbilangan adat dan menambah unsur-unsur yang sesuai dengan keadaan tempatan.

⁸⁸ Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*, 424.

⁸⁹ *Ibid.*,

⁹⁰ Nordin Selat, "Pengumpulan dan Pengajian Terhadap Perbilangan Adat Perpatih: Tinjauan Terhadap Yang Sudah Dilakukan dan Cadangan-Cadangan Untuk Masa Depan" (makalah, Seminar Pusat Pengumpulan, Pengajian dan Penggunaan Tradisi Lisan, Kuala Lumpur, 1973).

4.3.2.2 Jawapan Terhadap Isu Yang di Lontarkan Hooker Berhubung Dengan Isu Falsafah Sistem Perbilangan Adat dengan Hukum Syarak

Teromba atau perbilangan dalam Adat Perpatih memang tidak dapat dipisahkan dengan syariah Islam. Hal ini jelas kelihatan apabila Islam sendiri sangat menyukai penganutnya agar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang puitis, lembut, dan bersopan. Tujuan teromba ialah menyusun masyarakat untuk kebaikan dan keamanan penduduk-penduduknya. Sementara syarak pula ialah, '*Amar bil ma'ruf dan nahyu a'nil munkar*' (menyeru kepada berbuat kebaikan dan melarang daripada kejahatan) untuk mendapatkan keamanan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.⁹¹

Penyelarasan antara kedua-duanya ini jelas berlandaskan Islam bermula setelah kedatangan syarak (Agama Islam) ke Tanah Melayu khususnya di Negeri Sembilan. Jadual di bawah menunjukkan antara perbilangan yang mempunyai hubungkait yang rapat dengan syariah Islam.

⁹¹ Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih* (Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd., 2009), 465.

Jadual 4.3.2: Perbilangan Yang Berkaitan Dengan Syarak

PERBILANGAN	MAKSUD
<p>1.</p> <p><i>Adat bersendi hukum,</i></p> <p><i>Hukum bersendi Kitabullah</i></p> <p><i>(Syarak),</i></p> <p><i>Syarak mengata adat menurut</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbilangan ini menjelaskan adat dan syarak merupakan perkara pokok yang tidak dapat dipisahkan. Lebih-lebih lagi, kedua-duanya bermatlamat yang sama bagi mencapai kemajuan dan perpaduan umat serta sama sekali tidak menggalakkan umat berpecah-belah dan bersengketa antara satu dengan yang lain.⁹² Hal ini jelas lagi apabila konsep adat dan syarak itu sendiri dilihat seiringan antara satu sama lain. • Maka, apa yang terhasil segala adat yang baik dan memberi faedah kepada masyarakat serta tidak menyalahi hukum syarak dikekalkan pemakaiannya.

⁹² Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 466.

<p>2.</p> <p><i>Adat bersendi hukum,</i></p> <p><i>Hukum bersendi Syarak</i></p> <p><i>Syarak bersendi Kitabullah</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Segala perundangan yang berlandaskan aturan adat mestilah bersandarkan hukum-hukum Islam
<p>3.</p> <p><i>Penakik pisau siraut</i></p> <p><i>Ambil galah batang lintabung</i></p> <p><i>Selodang dibuat nyiru</i></p> <p><i>Yang setitik jadikan laut</i></p> <p><i>Yang sekepal jadikan gunung</i></p> <p><i>Alam terkembang jadikan guru⁹³</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbilangan ini menjelaskan bahawa alam semesta sebagai iktibar⁹⁴ bagi kita. Seperti mana firman Allah s.w.t dalam surah al-Imran ayat: 190,⁹⁵ surah al-Baqrah: 31,⁹⁶ 164,⁹⁷ surah al-Qhasyiah: 17-19.⁹⁸ Mafhum bagi kesemua ayat ini adalah sama seperti pengertian yang dimaksudkan oleh perbilangan tersebut iaitu meneliti, mempelajari dan mempedomani alam

⁹³ H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu, *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak Di Minangkabau* (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 1997), 2.

⁹⁴ Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 227, 467.

⁹⁵ (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka.

⁹⁶ Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.

⁹⁷ Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupan bumi sesudah mati (kering) -nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; Sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

⁹⁸ Maka tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan?. Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya?. Dan gunung-ganang bagaimana ditegakkan?

sekitar sebagai kebesaran-Nya.⁹⁹ Ini telah menjelaskan bahawa adat dan syarak itu saling kaitan antara keduanya.

- Perbilangan ini juga menyeru manusia agar berusaha menyelidiki, membaca, serta mempelajari ketentuan-ketentuan yang terdapat pada alam semesta (alam syariat) sehingga hasil penyelidikan yang diperoleh berulang kali ini akan dijadikan guru dan iktibar tempat menimba ilmu pengetahuan yang berguna bagi manusia. Sebagai contoh ringkasannya:

ketentuan alam → guru → manusia

↓
kepimpinan Adat Perpatih dengan terciptanya persatuan, kesatuan, terhindar pecah-belah, khianat

- Secara ringkasnya, dalam perbilangan ini alam semesta merupakan iktibar

⁹⁹ Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 324.

	<p>kepada manusia. Daripadanya juga disusun segala hukum dan kaedah yang bersesuaian dengan kehidupan manusia seperti dalam bidang politik, ekonomi, sosial budaya, pertahanan dan keamanan. Ini menjelaskan bahawa ketentuan alam merupakan guru dalam mengatur hubungan baik sesama manusia termasuk juga dalam soal pentadbiran kepimpinan Adat Perpatih bermula dengan tingkatan terendah kepada tingkatan yang paling tinggi.¹⁰⁰</p>
<p>4.</p> <p><i>Adat bersendi hukum,</i></p> <p><i>Hukum bersendikan Kitabullah,</i></p> <p><i>Kuat adat tak gaduh hukum,</i></p> <p><i>Kuat hukum tak gaduh adat,</i></p> <p><i>Ibu adat muafakat,</i></p> <p><i>Ibu hukum muafakat.</i></p> <p><i>Adat dipakai Syarak dituntut,</i></p> <p><i>Syara' mengata,</i></p> <p><i>Adat mengia / memakai.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Falsafah perbilangan yang jelas menerima ajaran Islam secara keseluruhannya. • Hubungkait yang jelas antara adat dan syarak pada perbilangan ini dapat dilihat dalam membicarakan peraturan-peraturan tentang hidup di dunia, manakala syarak pula berkaitan dengan persoalan Tuhan dan akhirat. • Perbilangan ini membuktikan Adat

¹⁰⁰ Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 227.

	<p>Perpatih yang wujud di Minangkabau terbentuk lebih awal daripada kedatangan agama Islam. Jadinya, perbilangan ini telah menerima sepenuhnya agama Islam, bukan sebahagian, jauh sekali menentang. Ini disebabkan kedua-duanya membawa kebaikan kepada manusia.¹⁰¹</p>
<p>5.</p> <p><i>Di dalam nan dua kelarasan</i></p> <p><i>Adatlah jadi darah daging</i></p> <p><i>Syarak nan lazim keimanan</i></p> <p><i>Adat nan kawi nan membimbing</i></p> <p><i>Pada adat</i></p> <p><i>Menghilangkan yang buruk</i></p> <p><i>Menimbulkan yang baik</i></p> <p><i>Kata Syarak</i></p> <p><i>Menyuruh berbuat baik</i></p> <p><i>Menegah berbuat jahat</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbilangan ini bukan sahaja menjadi sendi dan kekuatan tetapi juga selaku perlambangan komunikasi kepimpinan Adat Perpatih yang sentiasa menerima kebenaran. Tambah lagi, adat ini telah mengambil al-Quran sebagai sumber perundangan Islam serta sebagai tempat rujukan dan tempat mencari ketentuan hukum. • Perbilangan ini juga penting kepada pemegang adat dan kesemua tokohnya kerana di sinilah pertemuan antara adat dan agama. Pada masa yang sama,

¹⁰¹ Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 472.

<p><i>Adat bersendi hukum</i></p> <p><i>Hukum bersendi Kitabullah</i></p> <p><i>Kuat adat, tak gaduh hukum</i></p> <p><i>Kuat hukum tak gaduh adat</i></p> <p><i>Ibu hukum muafakat</i></p> <p><i>Ibu adat muafakat</i></p>	<p>perlunya penyelarasan antara Kaum Adat dan Ulama Islam dalam menggerakkan kehidupan di zaman baru ini dengan berpakaiankan kebudayaan luhur yang dijiwai oleh Islam.¹⁰²</p>
<p>6.</p> <p><i>Adat</i></p> <p><i>Ibarat cermin yang tidak kabur</i></p> <p><i>Pelita yang tidak padam</i></p> <p><i>Syarak</i></p> <p><i>Ibarat suluh yang terang-benderang</i></p> <p><i>Kuat adat tak gaduh Syarak</i></p> <p><i>Kuat Syarak tak gaduh adat</i></p> <p><i>Adat menghilangkan yang buruk</i></p> <p><i>Menimbulkan yang baik</i></p> <p><i>Syarak menyuruh berbuat baik</i></p> <p><i>Meninggalkan berbuat jahat</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbilangan ini menjelaskan hubungkait yang rapat dalam budaya masyarakat Adat Perpatih dan hukum syarak • Perbilangan ini juga bermaksud bahawa konsep yang bergandingan antara syarak dengan kata perbilangan sama sekali tidak akan dilupakan sebaliknya berterusan dalam menyumbangkan manfaat yang berguna seperti mana yang telah dikatakan bahawa adat dan syarak itu adalah selari, sejalan, seayun dan selenggang.¹⁰³

¹⁰² Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 176-177.

¹⁰³ *Ibid.*, 466- 467.

Secara jelasnya, jadual tersebut menunjukkan hubungkait yang rapat antara falsafah perbilangan adat dengan syarak sekaligus dapat menolak dakwaan Hooker yang mengatakan bahwa terdapat kekeliruan di antara falsafah perbilangan adat dengan hukum syarak berdasarkan analisis yang dibuat. Hal ini kerana pemikiran beliau telah didasari dengan paradigma sekular dalam menafikan kewujudan agama kerana bagi barat adat itu berjalan dengan sendirinya tanpa ada pengaruh daripada peribumi.

Sebagai tambahan, di sini pengkaji kemukakan beberapa langkah-langkah untuk mengelakkan daripada berlaku kekeliruan atau kesalahfahaman dalam penafsiran sistem perbilangan adat ini. Hal ini amat perlu bagi setiap pengkaji adat khususnya sarjana Barat untuk mengambil inisiatif terhadap langkah-langkah ini sebelum membuat tafsiran terhadap sesuatu perbilangan supaya hasil analisis tersebut membawa kesan yang positif kepada masyarakat Islam khususnya.

1. Setiap falsafah perbilangan perlu difahami dengan sedalam-dalamnya dan jangan mengambil secara tersurat sahaja di samping menafsirnya secara membuta tuli. Perlunya penelitian dan penghayatan secara terperinci pada yang tersirat kerana segala isi penting terletak padanya.
2. Menggalakkan muafakat dan musyawarah bagi menyelesaikan sebarang masalah.
3. Mempelajari komunikasi perbilangan kerana ia menitikberatkan kerukunan dan kedamaian dalam masyarakat di samping prinsip ini juga dapat mempertahankan dan mengekalkan masyarakatnya dalam keadaan harmoni dan aman.
4. Menggunakan kaedah fiqh iaitu '*adat kebiasaan boleh menjadi hukum*'. Kaedah ini diambil daripada hadis:

“Apa yang baik oleh orang muslimin, maka itu adalah baik disisi Allah.”

4.3.3 Isu ketiga: Sistem Perlembagaan Adat Perpatih

Teks:

*“The adat has a constitutional aspect in Negeri Sembilan; the adat system has a hierarchy of authority culminating in the Undang, of whom there are four who together help to constitute the 'Ruler' of the State. The State Constitution, which defines their function on the model of a constitutional of the religion of Islam in the State. This can and does bring them of function has taken on a political aspect and the political dimension is a constant feature of the adat - Islam nexus in Negeri Sembilan”.*¹⁰⁴

Terjemahan

*“Akhir sekali, di Negeri Sembilan terdapat beberapa aspek perlembagaan dalam adat itu sendiri; sistem adat mempunyai hierarki kuasa yang bermula daripada jawatan yang dinamakan Undang. Terdapat empat orang Undang yang sama-sama membentuk “Pemerintah” Negeri. Sementara itu Perlembagaan negeri mentakrif fungsi mereka berdasarkan sistem Raja berperlembagaan, dan juga memberi mereka tanggungjawab memelihara serta mentadbir agama Islam di Negeri tersebut. Hal ini boleh dan memang menyebabkan konflik dari segi tugas mereka dalam mengekalkan pelaksanaan adat. Konflik dari segi fungsi ini sudah membabitkan soal politik dan dimensi politik ini telah menjadi suatu ciri yang sering diungkit dalam perbincangan mengenai hubungan adat-agama Islam di Negeri Sembilan”.*¹⁰⁵

Bagi isu yang ketiga iaitu sistem perlembagaan, Hooker berpandangan wujudnya konflik antara adat dan agama Islam yang melibatkan sistem berperlembagaan apabila tugas undang dalam perlembagaan adat mencakupi sebagai

¹⁰⁴ Hooker, MB, *Islamic Law in South- East Asia*, 163.

¹⁰⁵ _____, *Undang- Undang Islam di Asia Tenggara*, 186-188.

sistem Raja berperlembagaan dan juga bertanggungjawab untuk memelihara serta mentadbir agama Islam di negeri tersebut.

Hooker berpandangan hal ini, boleh dan memang menyebabkan konflik dari segi tugas Undang dalam mengekalkan pelaksanaan adat. Konflik ini telah membabitkan soal politik dan dimensi politik yang mana sering diungkit apabila melibatkan hubungan antara adat dan agama Islam di Negeri Sembilan. Oleh itu, beberapa keterangan akan dikemukakan pengkaji bagi mengenalpasti akan kesahihan dakwaan Hooker tersebut.

4.3.3.1 Sejarah Sistem Perlembagaan Adat Perpatih

Kepimpinan dalam amalan Adat Perpatih adalah merangkumi ketua-ketua adat seperti Buapak, Datuk-Datuk Lembaga dan Undang serta Yang Dipertuan Besar. Ketua adat didefinisikan sebagai penyandang-penyandang gelaran-gelaran Undang (bagi empak Luak terbesar) dan Penghulu (bagi Luak-Luak Tanah Mengandung).

Adat sebagai perlembagaan juga dikenali sebagai adat yang teradat, iaitu sesuatu amalan yang telah dijulang kedudukan dan martabatnya sehinggakan ia tidak boleh diganggu gugat oleh sesiapa pun. Di dalam konteks ini adat itu dianggap sebagai *sacrosanct* seperti juga perlembagaan mana-mana negeri.¹⁰⁶

Di dalam Adat Perpatih terdapat berbagai aspek kehidupannya yang merangkumi aspek kekeluargaan, ekonomi dan politik. Dalam bidang politik, sistem pentadbiran Negeri Sembilan telah membahagikan setiap unit pentadbirannya kepada empat belas yang dikenali sebagai Luhak. Antaranya Sri Menanti, Tampin, Sungai

¹⁰⁶ Norazit Selat, *Undang-Undang Adat Perpatih* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2003), 103.

Ujung, Jelebu, Johol, Rembau, Hulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Unas, Gemencheh, Air Kuning dan Linggi.¹⁰⁷

Manakala, dari sudut sistem kepimpinan¹⁰⁸ pula, Adat Perpatih yang lebih bersifat hierarki ini mempunyai ketua-ketua adat yang terdiri daripada Buapak, Datuk-Datuk Lembaga dan Undang serta Yang Dipertuan Besar. Ketua adat didefinisikan sebagai penyandang-penyandang gelaran-gelaran Undang¹⁰⁹ dan Penghulu.¹¹⁰ Gelaran ‘Undang’ sebelum kedatangan British ialah ‘PENGHULU LUAK’ berdasarkan kepada ‘teromba Jelebu’ yang menyebut gelaran kepada undangnyanya yang pertama ialah Penghulu Moyang Salleh, gelaran itu kekal hingga kepada Dato’ Penghulu Syed Ali.

¹⁰⁷ Norazit Selat, *Undang-Undang Adat Perpatih*.,106.

¹⁰⁸ Pengertian pemimpin dan kepimpinan; Pemimpin menurut Robiah Kulub Hamzah adalah orang yang layak dan dapat membuat keputusan yang kritis dan dapat bertindak dengan jayanya membawa perubahan yang besar dan tertentu dalam sesuatu organisasi. Lihat Robiah Kulop Hamzah, *Kepimpinan* (Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors, 2001), 4. Manakala Tenas Effendy mendefinisikan pemimpin sebagai orang yang dituakan oleh kaum dan bangsanya, mempunyai tugas untuk memimpin dengan baik dan berkesan terhadap orang yang dipimpinnnya serta sentiasa rapat dan dekat dengan orang yang dipimpinnnya. Lihat Tenas Effendy, *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 1. Sementara Kepimpinan pula bererti proses mencari pengaruh yang melibatkan berlangsungnya urusan (*transaction*) di antara pemimpin dengan pengikutnya. Dalam proses itu, pemimpin bertanggungjawab memelihara masyarakatnya, mengawal keadaan, menetapkan matlamat, mengurangkan ketidakpastian dan memelihara kestabilan. Lihat Edwin P. Hollander, *Leadership Dynamics: A Practical Guide to Effective Relationship* (New York: The Free Press, 1978), 16-17. Manakala, dalam Adat Perpatih corak kepimpinannya bermula dengan mamak sebagai saudara lelaki yang tertua kepada ibu. Kemudian ketua perut, buapak, ketua suku, lembaga, ketua luak, undang dan akhir sekali ketua negeri iaitu Yang Dipertuan Besar atau Yamtuan. Manakala cara pemerintahan dalam masyarakat ini adalah berlandaskan nilai demokrasi bermaksud setiap yang hendak dibuat dimuafakatkan bersama dengan ketua tiap-tiap suku. Masing-masing berhak untuk bersuara mengikut saluran yang dibenarkan dan kebulatan muafakat adalah kata yang terakhir. Dalam sistem ini juga, buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, lembaga dipilih dan dilantik oleh buapak, undang dipilih dan dilantik oleh lembaga dan Yamtuan dipilih dan dilantik oleh undang daripada keluarga diraja. Pemilihan tersebut bertingkat-tingkat mengikut bidang kuasa masing-masing. Sila lihat Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 124-125.

¹⁰⁹ Bagi empat luak terbesar iaitu Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol, dan Undang Luak Rembau.

¹¹⁰ Bagi luak-luak tanah mengandung terdiri daripada Penghulu Luak Hulu Muar, Penghulu Luak Jempol, Penghulu Luak Terachi, Penghulu Gunung Pasir, dan Penghulu Luak Inas.

Ada kalangan orang tua-tua yang masih lagi memanggil Undang itu Penghulu hingga sekarang (gelaran Datuk Penghulu juga terdapat di Minangkabau).¹¹¹

Menurut sejarah lagi, Penghulu Luak di Lima Luak Tanah Mengandung juga turut diberi gelaran ‘Undang Luak’ pada mulanya. Namun, kemudiannya dihapuskan setelah dibantah oleh Undang Sungai Ujong sewaktu disandang oleh Datuk Kelana Makmur (1889-1945), iaitu setelah Negeri Sembilan disatukan kembali melalui perjanjian tahun 1898.

Undang atau Dato’ Penghulu yang terdiri daripada Sungai Ujong, Rembau, Jelevu dan Johol mempunyai taraf yang tinggi kerana kepada merekalah terserah tugas dan hak istimewa untuk memilih Yang Dipertuan Besar. Mereka berempat ini, yang juga dikenali sebagai ‘PENGHULU BERLANTIK’ (nampaknya pada masa dahulu istilah ‘Undang’ tidak digunakan) mempunyai pengaruh yang besar kerana:¹¹²

- i. Masing-masing melaksanakan hak raja, mengenakan denda, merasmikan
- ii. undang-undang dan menjalankan hukuman mati; dan
- iii. Mereka juga mengenakan denda dalam kes-kes yang diputuskan sendiri dan menerima hadiah pada hari lahir, perkahwinan dan mati di samping sumbangan untuk keperluan politik.¹¹³

¹¹¹ Diniwati Abd. Jalil, “Perlantikan Undang Rembau di Negeri Sembilan: Satu Kajian Perbandingan Dengan Perlantikan Pemimpin Dalam Islam” (Kuala Lumpur: Sarjana Syariah Universiti Malaya, 2003), 62.

¹¹² Khoo Kay Kim, “Negeri Sembilan Sejarah Awal dan Sistem Politiknya,” dalam *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, ed. Norazit Selat (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia d/a Muzium Negara, 1990), 11.

¹¹³ _____, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu* (Kuala Lumpur, t.p., 1984), 17.

4.3.3.2 Jawapan Terhadap Isu Yang di Lontarkan Hooker Berhubung Dengan Isu Sistem Perlembagaan Adat Perpatih dengan Syariah Islam

Secara umumnya, gelaran ‘Undang’¹¹⁴ merupakan Orang Besar Empat yang berkuasa di Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau.¹¹⁵ Undang mempunyai kuasa yang mutlak pada zaman dahulu di mana tugas mereka meliputi sebagai ketua adat, ketua Luak dan juga ketua agama Islam.¹¹⁶ Tetapi hal ini telah dilihat Hooker sebagai isu yang membawa konflik terhadap tugas Undang tersebut iaitu sebagai Raja berperlembagaan dan juga sebagai ketua agama dalam mentadbir setiap Luak itu.

Secara jelasnya, jika dilihat syarat utama untuk menjadi ketua adat atau pemimpin adalah terdiri daripada seorang lelaki yang beragama Islam.¹¹⁷ Hal ini kerana

¹¹⁴ Diniwati Abd. Jalil, “Perlantikan Undang Rembau di Negeri Sembilan: Satu Kajian Perbandingan Dengan Perlantikan Pemimpin Dalam Islam”, 61-62.

¹¹⁵ Abdul Samad Idris, *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan dan Kebudayaan* (Kuala Lumpur: Utusan Princorp Sdn. Bhd, 1987), 50.

¹¹⁶ Pada zaman sekarang tugas Undang hanyalah sebagai Ketua Negeri iaitu sebagai tempat berlindung dan bernaung rakyat. Manakala, dalam urusan pentadbiran tugasnya adalah sebagai penasihat. Salmiah Ismail, *Kuasa Undang Bak Durian Beruang-ruang Bak Sawah Berlopak-lopak* (Kuala Lumpur: Dewan Budaya, 1983), 8-9.

¹¹⁷ Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 161. Terdapat beberapa syarat untuk menjadi undang iaitu *pertama*; undang tersebut mestilah dari keturunan undang sendiri. Beliau mestilah berhak untuk dicalonkan dari segi keturunan suku Biduanda Waris Nan Dua Carak. Sama ada dari Carak Waris Maharaja atau Carak Waris Sedia Raja. Tidak boleh menjadi Undang sesiapa yang dari suku Biduanda Dagang dan suku lain selaian dari suku Biduanda Waris. *Kedua*; lelaki, mengikut Adat Perpatih pemegang pusaka adalah kaum perempuan (ibu soko) tetapi penyandang pusaka adalah kaum lelaki. Lihat Nordin Selat, *Anatomi Kepimpinan Melayu* (Selangor: Insular Publishing House Sdn. Bhd, 1983), 18. Ini bermaksud kaum perempuan berhak ke atas harta pusaka sebagai tanda Adat Perpatih membela nasib kaum wanita tetapi bagi jawatan pemimpin di setiap kelompok keluarga dan masyarakat kaum lelaki adalah lebih berhak. Adat ini telah termasyhur sejak dahulu lagi dan digunapakai oleh masyarakat di rembau sehingga ke hari ini. *Ketiga*; Islam. *Keempat*; Berakal, mestilah berakal iaitu otaknya siuman. Tidak boleh seorang yang gila atau nyanyok menjadi Undang. *Kelima*; Baligh, Beliau mestilah baligh dengan ertikata sudah dewasa. Tidak boleh budak kecil menjadi Undang. Keenam; Tidak Cacat, Calon Undang tidak boleh seseorang yang cacat. Maksud cacat di sini adalah cacat dari segi keturunan dan dari segi fizikal. Keturunan beliau dan beliau sendiri mestilah tidak melakukan sebarang kesalahan adat yang tidak boleh ditebus contohnya kahwin sesuku. Beliau juga mestilah

orang yang memimpin masyarakat Adat Perpatih ini adalah bertanggungjawab kepada pimpinannya sejak dari dunia ini sehingga akhirat. Ini merupakan sikap pemimpin atau ketua adat yang kuat berpegang pada agama kerana sanggup memimpin anak buah untuk keselamatan di dunia dan akhirat.¹¹⁸

Manakala, pemimpin adat yang kuat dasar Islamnya sedar bahawa setiap perlakuan kepimpinannya akan ditanya di hari akhirat kelak. Jadi di sini kita dapat lihat bahawa Islam merupakan syarat utama kepada pemimpin itu sebelum memulakan pentadbirannya dalam adat tersebut khususnya. Di sini, jelaslah hubungan antara adat dan syarak (Agama Islam) memang ada sejak dari permulaan pemilihan ketua adat lagi. Sepertimana kata-kata perbilangan di bawah ini yang boleh dijadikan sebagai panduan:

seseorang yang tidak cacat anggota badan. Isteri beliau juga mestilah tidak cacat dari segi fizikalnya. Ini adalah untuk menjaga status Undang itu setelah dilantik nanti. *Keenam*; Tidak melakukan kesalahan undang-undang negara, maksudnya Undang tersebut hendaklah tidak melakukan apa-apa kesalahan dibawah Undang-Undang Kerajaan Malaysia sama ada sivil atau jenayah dan beliau hendaklah tidak bankrap. Undang boleh dipecat jika melakukan kesalahan-kesalahan tersebut di atas. *Ketujuh*; Sihat dan berilmu pengetahuan, beliau mestilah sihat dan cerdas dari segi fizikal dan mentalnya. Amat perlu bagi Undang seorang yang sihat dan cerdas kerana beliaulah yang akan memimpin kelompok Luaknya. Beliau hendaklah berpengetahuan dalam hal ehwal agama Islam dan sosial masyarakat terutama dalam hal ehwal masyarakat adat dalam Luaknya. Oleh itu beliau perlulah seorang yang tahu tentang adat istiadat Luak Rembau. Pemimpin adat juga hendaklah seorang yang bijaksana. *Kesembilan*; keturunan yang baik, beliau mestilah dari keturunan yang baik untuk menjaga salasilah dan nama baik institusi ini. *Kesepuluh*; dipersetujui oleh anak buah; beliau mestilah telah dipersetujui, iaitu ada mandat dari anak buah. Kesemua ini merupakan syarat-syarat yang masih diamalkan sehingga kini terutamanya syarat-syarat tiga yang utama iaitu keturunan Biduanda Dua Carak, lelaki dan Islam kerana ia merupakan syarat-syarat teras dalam perlantikan Undang sementara yang selebihnya merupakan syarat-syarat yang fleksibel mengikut keadaan semasa. Lihat Diniwati Abd. Jalil, "Perlantikan Undang Rembau di Negeri Sembilan: Satu Kajian Perbandingan Dengan Perlantikan Pemimpin Dalam Islam", 71- 75.

¹¹⁸ Ibid., 160.

Tahu menimbang awal dan akhir

Tahu Allah dengan Rasul

Tahu menentu sunat dan fardhu

Tahu membeza halal dan haram

Adat bersendi syarak

Syarak bersendi Kitabullah

Syarak mengata adat menurut

Ibarat aur dengan tebing

Daripada perbilangan ini unsur anafora atau perulangan kata '*tahu*' pada awal perbilangan adat ini telah menunjukkan tahap kematangan seseorang pemimpin yang dapat memahami, mengerti dan memaklumi sesuatu perkara secara mendalam, khususnya yang berkaitan dengan pentadbiran negeri. Oleh itu, kualiti kepimpinan (Undang) ini membolehkan mereka mempunyai keyakinan memberi pendapat dalam menyelesaikan masalah yang timbul dengan berlandaskan hukum Allah dan sunnah Rasulullah SAW.¹¹⁹

Sementara itu juga, hubungan yang jelas antara adat dan syarak dalam sistem perlembagaan adat dapat dilihat pada konsep kata perbilangan '*tali berpilin tiga*' atau '*tungku tiga seterangan*.'¹²⁰ Sifat-sifat ini ialah agama, adat dan intelek. Jadi sebaik-

¹¹⁹ Norhayati Idris, "Perbilangan Adat Perpatih Cermin Jati Diri Melayu" (makalah, Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu, t.tp.: t.p, 29-31 Mac 2013), 4.

¹²⁰ Nordin Selat, "Pemimpin dalam Adat Perpatih" (makalah, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih di Sekolah Datuk Abdul Razak, Jabatan Serantau Majlis Belia Negeri, Seremban Negeri Sembilan, 11 April 1974). Lihat Diniwati Abd. Jalil, "Perlantikan Undang Rembau di Negeri Sembilan: Satu Kajian Perbandingan Dengan Perlantikan Pemimpin Dalam Islam", 76.

baiknya seseorang pemimpin itu mesti pandai dalam hal agama, adat dan mempunyai kesanggupan intelek. Kesanggupan intelek penting kerana menampakkan kecerdikan dan *resourcefulness* seseorang individu di dalam menjalankan kehidupan seharian. Orang yang berakal boleh membuat *reasoning* dan membezakan di antara yang baik dengan yang buruk, yang menguntungkan dengan yang merugikan, yang mulia dengan yang hina, yang disanjung dengan yang dikeji dan sebagainya. Syarat-syarat lain yang ditentukan untuk menjadi pemimpin selain Islam adalah berakal, lelaki, baligh, berilmu pengetahuan dan sihat anggota tubuh badan. Syarat-syarat ini secara keseluruhannya menepati dengan syarat-syarat yang ditentukan ke atas pemimpin Islam juga.¹²¹

Dalam hubungan pentadbiran sistem adat, tidak ada satu yang khusus kerana tugas Undang meliputi sebagai ketua luak, ketua adat, dan ketua agama Islam. Prinsip yang paling asas sekali ialah semua masalah ada jalan penyelesaiannya dan cara yang baik ialah permuafakatan dan perbincangan¹²² di kalangan ahlinya.

Hal ini merupakan kekuatan kepada kepimpinan Adat Perpatih ini. Timbul sesuatu masalah baik di dalam kaum mahupun di dalam negeri, mereka akan melakukan musyawarah atau syura untuk mencari kesepakatan.¹²³ *Sistem syura*¹²⁴ digunakan bagi

¹²¹ Diniwati Abd. Jalil, "Perlantikan Undang Rembau di Negeri Sembilan: Satu Kajian Perbandingan Dengan Perlantikan Pemimpin Dalam Islam", 149. Keseluruhannya, persamaan antara syarat pelantikan Pemimpin adat dan pemimpin Islam dapat dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama. Pertama; syarat-syarat pelantikan yang sama secara keseluruhannya seperti yang pengkaji huraikan. Kedua; syarat-syarat yang sama tetapi aplikasinya berbeza; iaitu teori syarat keturunan dalam perlantikan Undang adalah sama dengan syarat nasab dalam Islam tetapi dari segi aplikasinya adalah berbeza. Ketiga; syarat-syarat yang mengikut situasi semasa, sebagai contoh seorang pemimpin adat itu perlu berkemahiran dalam adat istiadat Rembau dan pandai berteromba dan pada masa yang sama tidak melakukan kesalahan undang-undang negara. Hal ini tidak pernah ditetapkan Islam. Namun ia adalah syarat yang bersesuaian dengan suasana masyarakat Adat Perpatih di Rembau sebagai cara untuk lengkap-melengkapi dan menyempurnakan sifat peribadi seseorang pemimpin adat. Jadi, Islam sebagai agama yang mementingkan kemaslahatan umum sudah tentu tidak menolak dari menerima syarat-syarat ini sebagai satu keperluan masyarakat kepada memperbaiki dan memperindahkan sistem pentadbiran di sesuatu tempat dan zaman.

¹²² Nordin Selat, *Undang-Undang Adat Perpatih* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2003),108.

¹²³ Mohd Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, 173-174.

menjamin keadilan sosial dalam masyarakat. Bahkan sistem syura juga turut di praktis di dalam sistem kepemimpinan Islam dan ternyata dalam ajaran Islam bermusyawarah juga merupakan ketentuan yang disuruh oleh Allah dan rasul-Nya Muhammad SAW: *“Bermusyawarahlah kamu untuk setiap urusan”*.¹²⁵ Sebagai contoh, mereka dibenarkan berbeza pendapat, berlainan idea dan bertukar kata. Dalam mengambil keputusan, mereka haruslah mengikut tingkat-tingkat yang telah ditetapkan oleh adat tersebut sebagaimana jadual di bawah:


¹²⁴ Syura merupakan kaedah pemerintahan yang terpenting dalam Islam. Ia merupakan cara yang terbaik membawa pemerintah serta pihak yang bertanggungjawab ke arah memperolehi pendapat yang terunggul serta penyelesaian yang terbaik sama ada terhadap masalah yang dihadapi oleh negara ataupun sesuatu kebaikan yang ingin dicapai oleh negara. Tiada jalan lain bagi pemimpin negara untuk mengelak daripada syura. Allah SWT telah memerintah Nabi Muhammad SAW untuk berbuat demikian. FirmanNya dalam Surah Ali ‘Imran: 159. Hukum syura; mengikut pendapat yang terkuat dalam kalangan para ulama bahawa hukum syura adalah wajib. Ini berdasarkan kepada kata perintah di dalam surah Ali ‘Imran: 159. Di sini tidak terdapat sebarang tanda atau dalil lain yang boleh menjadikan hukum syura itu sunat. Keseluruhan ulama fiqah sependapat bahawa hukum syura adalah wajib. *Garis Panduan Berpolitik Dalam Islam (66-85)*.

1. Syura
2. Dengar dan Taat serta Patuh kepada Sistem dan Undang-Undang
3. Keadilan dan Persamaan
4. Kebebasan

Khalid Ali al-‘Anbary, *Sistem Politik Islam Menurut al-Quran, Sunah & Pendapat Ulama Salaf*, tej. Mat Taib Pa et.al, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2008),66-85.

¹²⁵ Al-Imran: 159. H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu, *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak Di Minangkabau*, 25.

Rajah 4.3.3: Cara Pelaksanaan Musyawarah



Rajah menunjukkan ringkasan kepada musyawarah yang di jalankan oleh ketua adat dalam membuat penyelesaian terhadap masalah yang berlaku. Dalam mengambil keputusan, setiap orang mempunyai hak untuk memberikan pendapat walaupun berbeza-beza. Keputusan tersebut mestilah melalui tingkat-tingkat ukuran yang telah ditetapkan iaitu alur, patut,¹²⁶ dan mungkin. Alur bermaksud hukum atau ketentuan, manakala patut ialah kepantasan atau kewajaran dan mungkin adalah dapat dilaksanakan.

Justeru, di sini pengkaji dapat simpulkan bahawa ketiga-tiga isu yang di lontarkan Hooker tersebut yang menafikan wujudnya pengaruh syariah dalam isu-isu tersebut adalah tidak tepat. Sebaliknya syariah dan adat mempunyai hubungkait yang

¹²⁶ Konsep alur dan patut ini ialah satu proses pemikiran yang kompleks yang diasaskan pada hukum alam, logik, dan etnik. Iaitu sesuatu keputusan mesti dicapai dengan mengira masa, tempat dan keadaan. Contohnya seorang yang mencuri kerana lapar mesti dipotong tangannya. Potong tangan adalah hukuman yang ditetapkan kepada pencuri. Tetapi memotong tangan pencuri yang mencuri sekadar ingin mengalas perut dari kelaparan oleh sebab kemiskinan adalah tidak patut menurut Adat Perpatih. Lihat Norazit Selat, *Anatomi Kepimpinan Melayu*, 3.

rapat antara satu sama lain tanpa ada pertentangan. Justeru, mungkin di sebabkan ketidak fahaman Hooker merupakan sebab utama beliau berpandangan sedemikian. Sedangkan, sistem adat sendiri telah menyediakan panduan kepada masyarakat bagi mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan atau ketidak fahaman antaranya:

1. Setiap falsafah perbilangan perlu difahami dengan sedalam-dalamnya dan jangan mengambil secara tersurat sahaja di samping menafsirnya secara membuta tuli. Perlunya penelitian dan penghayatan secara terperinci pada yang tersirat kerana segala isi penting terletak padanya.
2. Menggalakkan muafakat dan musyawarah bagi menyelesaikan sebarang masalah.
3. Mempelajari komunikasi perbilangan kerana ia menitikberatkan kerukunan dan kedamaian dalam masyarakat di samping prinsip ini juga dapat mempertahankan dan mengekalkan masyarakatnya dalam keadaan harmoni dan aman.
4. Menggunakan kaedah fiqh iaitu '*adat kebiasaan boleh menjadi hukum.*' Kaedah ini diambil daripada hadis:

Apa yang baik oleh orang muslimin, maka itu adalah baik disisi Allah.

Dari sudut lain pula, pengkaji dapati kedatangan kolonial barat merupakan penyumbang berlakunya percampuran di antara adat, hukum Islam dan undang-undang barat.¹²⁷ Sebagai contoh pendidikan di Malaya merupakan adaptasi daripada tradisi sekolah-sekolah Inggeris yang menerapkan sistem barat. Kesannya, generasi muda dari masyarakat Melayu telah mengabaikan pengajaran hukum Islam dan menganggapnya

¹²⁷ Mohd Rosli Saludin, *Naning Luak Terbilang*, 139.

ajaran-ajaran agama sebagai kelaziman adat semata-mata. Maka lahirlah generasi yang mengamalkan undang-undang kerajaan sahaja, tanpa membezakan sama ada ianya hukum Islam, sistem adat, atau undang-undang barat.¹²⁸

Di sini pengkaji kemukakan beberapa kesan atau impak akibat kedatangan campur tangan pihak penjajah terhadap sistem perundangan adat di Tanah Melayu:

Pertama, dari segi sistem pentadbiran sebagai contoh, kebanyakan generasi muda mula bekerja dengan penjajah walaupun di taraf yang rendah dan secara beransur-ansur mereka telah keluar dari kampung halaman dan mula menjalani kehidupan ala barat. Kesemua ini melemahkan sistem dasar Adat Perpatih secara tidak langsung mengakibatkan berlakunya proses pensosialisasian.

Kedua, lanjutan daripada itu, pengenalan sistem pendidikan barat telah memberi perubahan yang ketara apabila generasi muda mula sedar tentang kelemahan dan kekurangan sistem hidup ala adat apabila dibandingkan dengan cara hidup ala barat. Maka, sedikit demi sedikit mereka mula menunjukkan sifat tidak lagi berminat sepenuhnya terhadap adat tersebut dan akhirnya wujudlah penentangan dalam diri mereka. Ironinya di sini, secara beransur-ansur, dengan latar belakang birokrasi penjajah, generasi ini telah di lantik menjadi ketua adat yang kurang faham tentang adat yang dipimpinnya.

Ketiga, dalam konteks ini pula dapat dilihat apabila penjajah barat mula melibatkan diri dalam penulisan sejarah, falsafah serta amalan adat berasaskan penyelidikan dan pengalaman kerja mereka di setiap daerah Adat Perpatih. Akhirnya, kesemua hasil karya mereka telah menjadi rujukan kita sehingga sekarang.

¹²⁸ Othman Ishak, *Hubungan antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang adat*, 101-102.

Keempat, seterusnya perubahan ketara yang dibawa Inggeris ialah berkaitan dengan hak milik tanah. Secara umumnya, kedatangan mereka mengakibatkan keluasan tanah adat mengecil dengan pengenalan sistem undang-undang tanah dari semasa ke semasa dengan tujuan perkembangan ekonomi mereka, sedangkan perhatian terhadap ekonomi bumiputera langsung di abaikan. Di samping itu, mereka mula menentang sistem pewarisan tanah secara adat yang memberi keistimewaan kepada kaum wanita. Bagi mereka, sistem tersebut suatu yang luar biasa. Kesannya mereka telah memperkenalkan sistem hak individu ke atas tanah tersebut yang sama sekali bertentangan dengan sistem pewarisan Adat Perpatih.

Pada masa yang sama polisi penjajah ini telah membolehkan seorang lelaki (suami) mendapat hak ke atas tanah tersebut. Malang sekali, pengenalan Akta pentadbiran British Chapter 215 telah memberi kesan yang mendalam ke atas hak milik tanah di kalangan anggota masyarakat adat. Akta tersebut menjejaskan kuasa ekonomi dan politik di samping melemahkan kuasa kaum wanita. Hal ini telah memaksa masyarakat adat untuk keluar merantau mencari pekerjaan di luar kawasan adat akibat tindakan pengambil alihan tanah adat oleh pihak penjajah.

Justeru, secara jelas menunjukkan Adat Perpatih ini secara terang-terang adalah tidak bertentangan dengan Islam. Namun, kedatangan penjajah inilah merupakan faktor utama pencetus wujudnya pertentangan di samping merosakkan pemikiran kita sekarang dengan melabelkan Adat Perpatih sebagai adat yang bertentangan dari sudut pandangan Islam sendiri.

4.4 PUNCA KESALAH FAHAMAN DI KALANGAN SARJANA BARAT.

Hal ini berkemungkinan kedapatan di kalangan para sarjana Barat yang menggunakan pendekatan yang salah dalam mentafsir kedudukan sebenar adat Melayu.¹²⁹ Punca utama sedemikian adalah kerana kekeliruan di kalangan mereka sendiri dalam memberi definisi sebenar terhadap maksud kebudayaan .¹³⁰

Hasil dapatan kajian yang diperolehi mendapati terdapat tiga faktor utama yang membawa kepada kesalah fahaman tafsiran terhadap adat itu sendiri di kalangan sarjana Barat, iaitu:-

1) Agama Budaya

Tindakan dan pendekatan kajian agama di barat yang menganggap Islam sebagai agama budaya yang tiada sifat kekudusannya, seperti mana agama budaya yang lain.¹³¹ Mereka telah menafikan peranan wahyu dan juga peranan syariah dalam perubahan adat.

Secara asasnya, terdapat dua kumpulan agama utama, iaitu agama Samawi dan agama budaya. Agama Samawi merujuk kepada agama yang berdasarkan wahyu Ilahi pada asalnya seperti agama Islam dan terdapat penyelewengan selepas tempoh waktu

¹²⁹ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Adat dan Kesenian Melayu: Satu Tafsiran Dari Perspektif Islam" (makalah, Seminar Adat dan Kesenian Melayu Mengikut Perspektif Islam, Institut Seni Melaka Malaysia (ISMMA), Melaka, 2 Oktober 2002), 1.

¹³⁰ Ibid., 1-3.

¹³¹ D.B. Macdonald, "Doctrine of revelation in Islam," dalam *The Muslim World* (t.tp.:t.p, 1917), 7: 116-117.

tertentu seperti agama Kristian dan Yahudi. Manakala agama budaya adalah agama yang lahir daripada budaya masyarakat. Ciri-ciri agama budaya:¹³²

- i. Tidak disampaikan oleh nabi atau rasul
- ii. Tidak memiliki kitab suci yang diwarisi oleh nabi
- iii. Sistem merasa dan berfikir agama inheren dengan sistem merasa dan berfikir dari tiap segi kehidupan masyarakat
- iv. Berubah dengan perubahan akal masyarakat yang menganutnya

Agama Samawi pula adalah ciptaan Allah SWT dan pola budaya yang lahir adalah hasil dari ajaran wahyu. Situasi ini berbeza dengan agama Samawi yang mengalami proses penyelewengan seperti agama Kristian di Malaysia kerana ia telah diserapi dengan doktrin sekularisme dan tidak berasaskan konsep tauhid, bahkan trinititi. Agama Kristian yang wujud pada hari ini adalah ajaran yang telah diasaskan oleh Paul¹³³ bukannya berasaskan ajaran Nabi Isa a.s.¹³⁴

Manakala, agama budaya adalah ciptaan manusia berasaskan keterbatasan akal hasil dari interaksi dengan alam sekeliling dan ia bercorak tempatan. Keadaan ini berikutan agama adalah hasil dari budaya. Kebudayaan sesebuah masyarakat berpaksikan akal. Kebudayaan Barat berasaskan akal ratio semata-mata, sedangkan sarjana Islam menggabungkan akal ratio dan intelektus dalam menjana kebudayaan.

¹³² Sidi Gazalba, *Maut, Batas Kebudayaan dan Agama*, cet. ke-2. (Jakarta: Tintamas, 1972), 105.

¹³³ K.H.Hasbullah Bakry, *Jesus Christ in the Quran, Muhammad in the Bible* (Kuala Lumpur: S.A.Majeed, 1990), 51.

¹³⁴ Paul pada asalnya merupakan pengikut Nabi 'Isa a.s. tetapi menyeleweng selepas pengangkatan Nabi 'Isa. Beliau berasal daripada kaum Yahudi iaitu daripada suku Benjamin yang menganut mazhab Farisi. Mazhab ini merupakan satu aliran yang fanatik kepada undang-undang Yahudi dan anti kepada agama Kristian. Lihat Agus Hakim, *Perbandingan Agama*, cet. ke-6. (Bandung: Penerbitan Diponegoro, 1990), 93.

Dalam perkembangan kebudayaan masyarakat Melayu, penggunaan akal ini dapat dilihat dengan jelas. Gabungan akal ratio dan intelektus merupakan elemen yang signifikan dalam pembentukan budaya kerana sekiranya tidak dikombinasikan di antara keduanya akan berlaku kepincangan dalam kepercayaan dan keagamaan masyarakat.

Konseptual budaya kompleks. Setiap konsep yang dikemukakan adalah berasaskan teori dan latar belakang para pengkaji. Terdapat perbezaan mendasar di antara konseptual aliran barat dengan Islam. Konseptual barat bersifat bebas nilai dan dipengaruhi paradigma sekularisme sedangkan pandangan Islam berlandaskan paradigma tauhid. Kesan utama perbezaan di antara pandangan aliran barat dan Islam adalah yang mana barat melihat agama itu sebagai hasil budaya, sedangkan dalam aliran Islam agama adalah wahyu Allah SWT dan berperanan dalam mencorakkan budaya. Pendek kata, perbezaan ini menghasilkan agama budaya dan agama Samawi.¹³⁵

2) Eurocentrism

Punca yang kedua adalah disebabkan sarjana Barat melihat adat dan syariah itu sendiri dengan paradigma sekular atau eurocentrism sedangkan Islam melihat dengan paradigma tauhid. Tambahan lagi, bahan dan karya sarjana Barat yang rata-ratanya bersifat anti agama,¹³⁶ taasub dengan pencapaian tamadun barat¹³⁷ telah cuba menafikan pengaruh syariah dalam perubahan adat serta sumbangan Islam di dalam masyarakat manusia,¹³⁸ termasuklah masyarakat Alam Melayu telah secara meluas

¹³⁵ Mohd Anuar Ramli, "Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Dalam Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan Malaysia", 172-174.

¹³⁶ Maryam Jameelah, *Islam and Orientalism* (Lahore: t.p., 1971), 122-123

¹³⁷ Ibid.,

¹³⁸ Berthold Spuler, *The Muslim World: A Historical Survey*, part 1 (Leiden: t.p., 1960), 56-57.

tersebar dan mempengaruhi sebahagian besar sarjana lain. Sedangkan kalau kita lihat syariah itu sendiri yang telah mendominasi adat secara harmoni tanpa ada pertentangan antara satu sama lain. Segala adat yang bertentangan dihapuskan dan diubahsuai serta digunapakai selagi mana adat itu tidak bertentangan dengan nass syarak.

Jadual 4.4: Ringkasan Interaksi Antara Perspektif Barat dan Islam

Paradigma/ Perspektif	Interaksi	Konsep Khaliq/ Pencipta	Natijah
Barat	<ul style="list-style-type: none"> -Hanya terhadap hubungan manusia dengan manusia. -Meliputi aspek dunia sahaja. -Mengutamakan bangsa mereka 	<ul style="list-style-type: none"> -Menafikan wujudnya pencipta. -Lebih kepada akal dan nafsu semata-mata. -Digubal oleh mereka yang pakar berdasarkan kebudayaan dan akal semata-mata. 	<ul style="list-style-type: none"> -Agama Budaya/ Agama Sekular -Tiada keadilan mutlak untuk semua manusia. -Tidak lengkap, hanya berupa undang-undang setempat yang diubah mengikut kehendak.

Islam	<p>-Skop merangkumi hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam.</p> <p>-Meliputi dunia dan akhirat. Hukuman di dunia menghapuskan hukuman di akhirat.</p> <p>-Menjaga masalah manusia dan menolak mudharat.</p>	<p>-Bersumberkan wahyu Allah, yang termaktub di dalam Al-Quran dan Al-Hadith.</p>	<p>-Agama Tauhid / Agama Islam</p> <p>-Mengutamakan keadilan untuk semua manusia.</p> <p>-Lengkap meliputi semua aspek kehidupan manusia dan sesuai hingga kiamat.</p>
-------	---	---	--

Jadual tersebut menunjukkan keseluruhannya proses sekularisasi membebaskan akal budi manusia daripada ikatan agamanya dan akidahnya; daripada pandangan akhirat kepada pandangan dunia ini dan masa ini semata-mata sebagai satu-satunya realiti wujud; daripada nilai kebenaran agama yang abadi kepada kebenaran yang relatif dan nisbi yang sentiasa boleh diubah-ubah tanpa perlu berpegang kepada sebarang autoriti lagi; yang memisahkan politik dan pemerintahan daripada nilai murni keagamaan; dan yang menukar alam tabii tanpa nilai keluhurannya sebagai “ayat” hasil ciptaan Tuhan demi pengenalan Tuhan al-Haq, seperti yang diisyaratkan oleh a-Qur’an:

سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ

شَيْءٍ شَهِيدٌ

Fussilat 41: 53

Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?

3) Gagal menghubungkan adat menurut perspektif syarak

Punca berlakunya kesalahfahaman yang ketiga adalah kerana kegagalan sarjana Barat dalam menghubungkan adat menurut perspektif syarak secara jelas. Sedangkan jika di ketahui adat dan syarak itu saling lengkap melengkapi sepertimana perbilangannya yang berbunyi; “*adat basandi syarak, syarak basandi Kitabullah, syarak mengata, adat memakai,*” maksudnya adat menjadi sendi atau dasar kepada syarak dan syarak pula berdasarkan kepada Kitabullah iaitu apa yang dikemukakan oleh syarak akan dilaksanakan oleh adat. Namun begitu, barat gagal untuk melihat adat itu dengan kaca mata Islam dan menghubungkan antara keduanya. Sebaliknya mereka melihat adat itu dengan kaca mata mereka sendiri yang akhirnya adat itu membawa kepada maksud sempit dan longgar.

4.5 BENTUK-BENTUK PEMIKIRAN SARJANA BARAT TERHADAP ADAT MELAYU

Seperti mana yang telah pengkaji kemukakan pada hasil dapatan kajian bab kedua di mana sarjana Barat melihat adat itu dengan paradigma sekular dan sempit. Malah istilah adat itu lebih disempitkan dengan makna undang-undang (hukum adat) sahaja.

Di sini pengkaji kemukakan bentuk-bentuk pemikiran sarjana Barat terhadap adat Melayu menerusi teori-teori adat Melayu.¹³⁹ Antaranya:-

¹³⁹ Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din, *Wacana Budaya* (Kuala Lumpur: Pustaka Wira Sdn. Bhd., t.t.) 425-427.

a) Teori Reception in Complexu

Pertama: Pandangan yang longgar di mana sistem adat menurut pengaruh agama. Pandangan ini dipelopori oleh L.W.C. Van Den Berg sekitar tahun 1845- 1925. Beliau mengemukakan *teori receptio in complexu*. Teori ini menekankan hukum peribumi (undang-undang adat) menurut agama kerana jika memeluk sesuatu agama, harus juga mengikut hukum-hukum agama itu dengan setia. Bangsa Hindu dari Hukum Hindu, kaum Islam dari hukum Islam dan kaum Kristian dari hukum Kristian. Ringkasnya, hukum adat menurut agama yang dipeluk dan penyimpangan-penyimpangannya.

b) Teori Receptie

Kedua: Pandangan sempit yang menafikan peranan dan pengaruh syariah. Pendapat ini merupakan pandangan majoriti sarjana Barat dan pengikut mereka. Golongan ini menolak pandangan pertama dan mengemukakan *teori receptie* di mana adat tidak terpengaruh dengan agama ataupun syariah sebaliknya adat peribumi berjalan dengan sendiri. Dengan kata lain, adat peribumi tidak diserapi dan dipengaruhi oleh syariah dan ia dengan sendirinya menjadi norma hukum tanpa campur tangan syariah. Hukum Islam boleh diterima sebagai hukum sekiranya diterima ke dalam hukum adat bergantung kepada kesediaan masyarakat adat setempat. Teori ini menerima adat sebagai sumber undang-undang mutlak. Pandangan ini dipelopori oleh Christian Snouck Hurgronje, Cornelis van Vollenhoven, dan kebanyakan sarjana Nusantara.

Berdasarkan kepada pemikiran barat terhadap adat Melayu itu, terdapat juga sarjana Melayu yang mengemukakan teori bagi menolak pemikiran sarjana Barat itu.

Antaranya:-

c) Teori Receptie Exit

Ketiga: Pandangan sederhana di mana adat menerima pengaruh dan mensekusi dengan syariah. Pandangan ini memperakui peranan syariah dalam mengatur urusan kehidupan harian masyarakat. Teori pertama iaitu teori receptio exit dikemukakan oleh Hazairin bagi menolak pandangan golongan kedua.

d) Teori Receptie A Contrario

Keempat: Manakala teori kedua teori receptio de contrario dilontarkan oleh pelajar Hazairin iaitu Sajuti Thalib. Beliau menolak pandangan Van Den Berg dan menegaskan hukum adat perlu diukur dengan Islam yang mana hukum atau upacara berlaku kalau tidak bertentangan dengan hukum Islam.

Pandangan sederhana dipelopori oleh Ahmad Ibrahim dan Abdul Majeed Mackeen. Mereka berpendapat bahawa syariah Islam memperakui adat sebagai salah satu sumber perundangan Islam. Justeru, syariah Islam bertoleransi dan berasimilasi dengan corak hidup masyarakat tempatan.

4.6 BENTUK-BENTUK PEMIKIRAN HOOKER TERHADAP ADAT MELAYU

Hasil dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan latar belakang Hooker serta isu-isu yang dikupas beliau, pengkaji dapati pemikiran beliau berlandaskan kepada teori hukum adat iaitu *receptio in complexu*. Teori ini menekankan hukum peribumi (undang-undang adat) menurut agama kerana jika memeluk sesuatu agama, harus juga mengikut hukum-hukum agama itu dengan setia. Pandangan ini dipelopori oleh L.W.C. Van Den Berg sekitar tahun 1845-1925. Sebaliknya, bagi masyarakat Islam hukum Islam itu akan berlaku secara menyeluruh bagi mereka yang memeluk Islam walaupun dalam perlaksanaannya terdapat penyimpangan.

Kedua; Hooker mendasarkan pemikirannya kepada teori *receptiee*. Kewujudan teori ini adalah untuk menolak teori yang pertama tadi iaitu *receptio in complexu*. Teori *receptiee* ini menafikan pengaruh adat terhadap agama atau pun (syariah) sebaliknya adat peribumi itu berjalan dengan sendiri. Teori ini dipelopori oleh Christian Snouck Hurgronje, Cornelis van Vollenhoven, dan kebanyakan sarjana Nusantara. Hooker menggunakan teori ini apabila beliau cuba mendakwa kesahihan akan adat Melayu dan syariah Islam. Bagi kategori ini, kesemua sarjan Barat mempunyai niat yang sama terhadap syariah Islam. Hal ini disebabkan mereka tidak mahu masyarakat Islam berpegang kuat kepada ajaran dan hukum Islam kerana dikhuatiri akan menyulitkan urusan mereka bagi mempengaruhi budaya barat dalam pemikiran masyarakat Islam.

4.7 KESIMPULAN

Berasaskan analisis yang dilakukan terhadap pemikiran Hooker di dalam karyanya *Islamic Law in South-East Asia* dalam subtopik *Islamic Law and Customary Law* jelas menunjukkan bahawa dakwaan beliau yang mengatakan Adat Perpatih itu secara terang-terang bertentangan dengan Islam adalah tidak betul berdasarkan analisis yang pengkaji lakukan. Di sini, pengkaji dapati sesuatu pertentangan yang berlaku haruslah menggunakan doktrin ijihad atau ijma' kerana doktrin tersebut telah dipersepakati di kalangan majoriti ulama mujtahidin.

Tambahan pula, penyelarasan undang-undang adat dengan undang-undang Islam ini memerlukan pendekatan yang bersifat wasatiyyah (pertengahan) kerana proses penggantian adat dengan prinsip-prinsip baru khususnya Islam bukan merupakan sesuatu yang mudah. Di samping itu, pengaruh adat juga telah di amalkan dalam jangkamasa yang lama sebelum kedatangan Islam lagi. Oleh itu, jika pendekatan yang digunakan bersifat melampau maka sudah tentu proses pengislaman terhadap adat tidak akan berjalan dengan lancar. Walaupun begitu, proses pengubahsuaian terhadap undang-undang adat tetap akan berlaku bersesuaian dengan sifat Islam itu sendiri yang sentiasa bergerak seiring dengan perubahan zaman.